# Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

TAHUN 24 BILANGAN 50 | RABU 12HB DISEMBER, 1979. | 1400 رابو 22 محرم | PERCHUMA


## PERANAN BANK BUKAN HANYA UNTOK MENDAPATKAN KEUNTONGAN

GADONG. — Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah menegaskan bahawa peranan bank bukan-lah semata-mata untok mendapatkan keuntongan bahkan ia-nya mempunyai tanggong-jawab yang luas ia-itu memajukan perdagangan, memenohi kehendak kemajuan serta ekonomi orang ramai termasok keragaman kehendak2 sosial dan perkhidmatan umom yang di-perlukan oleh masharakat peniaga dan negara.

YTM Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara bersabda, sa-andai-nya hal2 kemasharakatan itu di-abaikan tentu-lah tidak wajar sa-bagai sa-buah bank tempatan itu di-tubohkan.

Bersabda sa-jurus sa-belum merasmikan pembukaan chawangan baru Bank Nasional Brunei di-Gadong yang di-adakan di-sini pada hari Khamis lalu, Yang Teramat Mulia sa-terus-nya menegaskan bahawa pembukaan bank baru itu menjadi kenyataan dengan sokongan yang tidak kendor2 dari pelanggan2, orang ramai dan sa-terus-nya dari pehak kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-pertuan.

Yang Teramat Mulia bersabda, Bank Nasional Brunei telah memboktikan akan rasa tanggong-jawab-nya dengan chara mengadakan perkhidmatan2 bank di-tempat2 yang di-perlukan saperti di-Tutong, Pelabohan Muara dan sekarang di-Kompleks Perusahaan Gadong.

Sa-lain daripada itu, sabda Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara pehak Bank Nasional juga telah melibatkan diri-nya di-dalam kehidupan ekonomi masharakat dan negara dalam tempoh tersebut.

"Saya memberi jaminan bahawa Bank Nasional Brunei akan sentiasa menyahut kapada kehendak2 yang sa-demikian di-tempat2 yang mana peranan-nya memberi erti atau guna", sabda Yang Teramat Mulia selanjut-nya.

Menyentoh mengenai chawangan baru di-Gadong itu, Yang Teramat Mulia menjelaskan ia-nya mempunyai kemudahan2 serta perkhidmatan2 bank yang lengkap saperti yang terdapat di-lain2 pejabat bank yang ketika ini mempunyai talian chawangan terbanyak di-seluroh negeri.

Yang Teramat Mulia juga berharap supaya Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, orang ramai serta peniaga2 di-Gadong akan mendapati yang masa bekerja di-bank itu akan lebeh selesa bagi memenohi keperluan2 mereka dan mereka boleh-lah menggunakan segala kemudahan2 itu.

Lihat muka 20



YTM Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah memotong pita sa-bagai menandakan perasmian Chawangan Bank Nasional Brunei di-Gadong.

## Manis-nya Iman

"CHUKOP-LAH menjadi tanda kejahatan sa-seorang itu apabila dia memburok-burokan saudara-nya sa-sama Islam".—HADITH Nabi riwayat Muslim daripada Abu Hurairah.

## Kerajaan DYMM memperkuat kedudokan Ugama Islam

KAMPONG TANAH JAMBU. — Kerajaan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan, dalam berusaha untok memperkuat dan meninggikan kedudokan ugama Islam di-negeri ini, sentiasa mengambil langkah2 yang berkesan lagi berkebajikan sesuai dengan perkembangan dunia sekarang ini. Dalam hal ini, peranan masjid sa-bagai salah satu tempat perkembangan rohani yang mustahak, ada-lah sentiasa di-pelihara dan di-ambil perhatian berat.



YAM Pengiran Indera Mahkota Pg Muda Haji Kamaluddin bersabda sa-belum merasmikan Masjid Kampong Tanah Jambu.

Masjid bukan-lah hanya tempat untok menunaikan sembahyang sahaja, bahkan lebeh dari itu, masjid juga boleh di-jadikan tempat belajar, tempat bermashuarat dan tempat mengadakan amal kebajikan lain yang sentiasa di-galakkan oleh ugama Islam.

Ini telah di-sabdakan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Indera Mahkota Pengiran Muda Haji Kamaluddin ibni Pengiran Bendahara Pengiran Anak Haji Mohd. Yasin, ketika membuka rasmi Masjid Tanah Jambu pada hari Jumaat lepas.

Sabda-nya, pembenaan Masjid Tanah Jambu yang baru dan indah itu, akan mendatangkan ilham baru kapada umat Islam di-Kampong ini, pada meranchangkan apa juga amal kebajikan yang berfaedah bagi kepentingan umat Islam dan ugama Islam.

Sa-benar-nya, tambah Yang Amat Mulia itu lagi, ramai-nya para jemaah di-satu2 masjid, dan banyak-nya kerja2 yang di-buat di-masjid itu, ada-lah di-selenggarakan oleh anak buah kampong itu sendiri, umpama-nya usaha belajar mengaji, belajar hukum ugama, tadarus, maulud dan lain2 ada-lah menandakan anak buah kampong itu giat bekerja, rajin dan tanda2 keimanan.

Lihat muka 20

## Masjid tempat memperkukoh perpaduan umat Islam

SINAUT. — Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim menekankan bahawa masjid ada-lah merupakan satu tempat yang sesuai bagi mengkukohkan perpaduan dan persaudaraan umat Islam tidak kira yang berpangkat, kaya, miskin dan buroh semua-nya sama dengan tujuan untok mendapatkan keredhaan Allah s.w.t.

Perpaduan dan persaudaraan yang di-asaskan di-bawah bumbong masjid, sabda Yang Amat Mulia ada-lah satu bentok perpaduan yang suchi dan kuat kerana ia-nya di-asaskan oleh perasaan takwa kapada Allah, tulus ikhlas yang tidak ada tujuan2 sampingan lain yang terbatas kegunaan-nya buat sementara waktu. Ini-lah satu keistemewaan Islam yang patut kita sebut2 dan amalkan selalu.

Bagi kita umat Islam masjid yang indah dan selesa saperti Masjid Kampong Sinaut, sabda Yang Amat Mulia lagi merupakan gambaran tujuan hidup kita sa-bagai hamba Allah yang ingin mengabdikan diri kapada-Nya.

"Kesesuaian dan ke-elokan masjid yang lahir menjadi chermin kapada bathin dan khas-nya perasaan iman dan kekuatan beragama di-kalangan kita. Masjid yang terbiar, sembarana dan suasana keliling-nya tidak menyamankan boleh juga mencherminkan perasaan sa-umpama itu di-kalangan pendudok2 yang bermastautin di-kampong itu," sabda Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara.

Bersabda sa-jurus sa-belum merasmikan pembukaan masjid baru bagi Kampong Sinaut di-sini pada hari Jumaat lalu, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara sa-terus-nya menekankan bahawa kerajaan

Lihat muka 20

## K'jaan sentiasa memberi kemudahan dalam bidang pelajaran

GADONG. — Yang Teramat Berhormat Penasehat Umom Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa menegaskan bahawa Kerajaan Kebawah DYMM sentiasa memberikan segala kemudahan2 dan memenohi segala keperluan2 yang di-fikirkan berpatutan dalam bidang pelajaran dan pendidekan dan juga sentiasa pula membaiki dan meninggikan taraf dan mutu pelajaran di-negeri ini.

Kerana kata-nya, kerajaan penoh perchaya bahawa dengan menitek beratkan dan mengutamakan pelajaran sahaja-lah Negeri Brunei ini akan menchapai apa2 yang di-hajati sama ada dalam bidang ekonomi, sosial dan sa-bagai-nya yang di-redhai oleh Allah s.w.t.

Beruchap sa-jurus sa-belum merasmikan pembukaan Expo Pendidekan yang di-anjorkan oleh Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah yang telah di-adakan di-dewan maktab tersebut pada hari Ahad lalu, Yang Teramat Berhormat Pehin Isa menambah kata bahawa semua bidang tersebut ada-lah kait mengait di-antara satu dengan lain yang mana kemajuan ekonomi tidak akan terchapai jika bidang pelajaran di-tinggalkan dan begitu juga kemajuan dalam bidang2 pentadbiran tidak akan terchapai jika tidak di-saingkan dengan bidang pelajaran dan ekonomi.

Demikian juga kemajuan2 itu tidak akan terchapai tanpa kerjasama raayat terutama sekali pemuda-pemudi termasok-lah guru2 dan bakal guru2 yang

Lihat muka 20

MELANGKAH DENGAN YAKIN DAN PENOH HARAPAN

Pelita Brunei
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

12HB DISEMBER, 1979

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

# Kempen2 Ibadah ka-sekolah2

BANYAK achara2 dalam bentok praktik telah di-lancharkan di-sepanjang sambutan tahun baru Hijrah 1400 tahun dan yang paling besar mengambil tempat ia-lah di-kalangan kanak2 sekolah di-seluroh negeri. Pelajar2 nampak-nya di-jadikan tumpuan pertolakan di-sekitar achara2 itu yang di-katakan sa-bagai achara2 daawah ka-sekolah2 yang keselurohannya di-sumbangkan dalam bentok praktik atau perbuatan serta amalan. Penumpuan ini amat wajar, kerana pelajar2 ada-lah gulongan yang terbesar di-negeri ini dan jumlah mereka itu ada-lah mengatasi jumlah kelumpok pendudok2 yang bukan lagi pelajar. Dan, mereka ini juga ada-lah gulongan muda atau yang di-sebut sa-bagai gulongan yang maseh rebong dalam segala-nya, apa lagi dalam soal peribadatan atau soal2 keugamaan. Sebab itu, molek benar yang mereka itu menjadi penumpuan dalam pelancharan pelaksanaan dan mengesankan apa yang di-tuntut oleh Islam untok di-lakukan oleh orang2 Islam sendiri. Maka penanaman asas pengetahuan praktik tatkala maseh rebong itu, tidak shak lagi akan dapat mengukohkan fahaman kechintaan terhadap ugama apabila mereka dewasa nanti, terutama-nya ketika mereka menghadapi alam kedewasaan dalam segala2-nya. Tegas-nya, apabila mereka berhadapan dengan alam dewasa nanti, maka dengan pengetahuan yang di-sumbangkan itu, tidak shak lagi ia-nya ada-lah menjadi utap penting dalam menghadapi gejala2 kedewasaan mereka terutama-nya di-ketika menghadapi bentok2 petaka yang serba mungkin menggoyahkan kekuatan keugamaan mereka itu nanti.

Dalam soal goyah dan menghadapi gugatan itu sama ada kechil bentok-nya atau pun besar dan sama ada di-datangkan atau datang sa-chara tiba2, maka semua-nya tidak akan mudah merosak jika bentok amalan kita itu terus berjalan dengan kukoh — berjalan amalan itu sejak dari rebong lagi.

Di-sini, kita kira penting di-pegang saranan yang di-buat oleh Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama yang menekankan supaya sa-tiap achara yang di-hidangkan dan penting di-jadikan 'amalan sa-panjang hayat hendak-lah di-lakukan saperti ibadah sembahyang yang perlu di-buat oleh sa-tiap umat Islam — lima waktu sa-hari. Kerana, sembahyang itu ada-lah teras yang kukoh dan utap yang paling tegoh dalam menghadapi kehidupan harian terutama-nya ketika menghadapi berbagai godaan hidup.

Dan, Pengarah Pelajaran sendiri dalam menyimpulkan sembilan achara yang di-kelolakan mengharapkan pelajar2 Islam menyedari hakikat Islam dan diri mereka sa-bagai orang2 Islam itu bagi menekankan lagi kechintaan terhadap ugama Islam dan mempraktikkan-nya; menimbulkan dan mempersembahkan sa-suatu yang penting, yang berunsor Ugama saperti kebersehan sa-tempat dan menekankan supaya penuntut2 sa-tiap masa akan berdisiplin atau bertata-tertib dalam sa-tiap waktu; baik dalam sa-barang apa jua majlis termasok-lah waktu di-rumah, di-sekolah dan di-mana2 jua mengikut apa yang terdaya di-perkenalkan kapada mereka.

Berhubong dengan ini, saperti yang di-sarankan oleh Dato Awang Haji Ahmad lagi ia-itu apa yang perlu di-titek-beratkan ia-lah PELAKSANAAN atau PENGAMALAN dari peratoran2 yang telah di-tetapkan itu. Kita hendak-lah bersikap serious; pupus dalam segala2-nya mahu pun dari segi fikiran, perchakapan, perbuatan, amalan dan pelaksanaan supaya nanti kita hanya berbalek ka-pangkal jalan jika terhandat; dan terpaksa, dan mengeloh "kita hanya sa-orang mahlok Allah".

Bagaimana pun, kepupusan penchapaian tujuan2 itu ada-lah bergantong besar kapada para PELAKSANA, PENGAMAL atau PENERIMA yang tertujuan bukan-nya untok mengongkong atau mengikat sa-seorang itu sa-hingga tidak boleh bergerak langsong, tetapi peratoran yang di-perlukan ia-lah untok menentukan garis2 tempat berpijak dan supaya jalan yang akan di-lalui itu tidak akan tergelinchir dari landasan kehidupan kita.

# PADA HEMAT SAYA....

"KALAU ia sifat sa-mula jadi maka itu sukar-lah untok di-ubah. Sama saperti sifat sa-mula jadi buah bachang atau matan itu, dari dahulu sampai sekarang pun bau-nya tetap keras, kulit-nya itu boleh menyebabkan undu . . . ."

# "MEMBACHANG-BACHANG"

DALAM perbendaharaan bahasa orang2 kita terdapat perkataan 'membachang-bachang'.

Dan ia telah pun di-senaraikan oleh DBP kita sa-bagai berma'ana: "berchakap tentang hal orang lain; biasa-nya di-pakai untok memburok2kan."

Mula-nya saya bersangkaan membachang-bachang itu sama maana-nya dengan 'mengunyanyang' yang tentu-nya berasal dari kata 'kunyanyang'. Rupa-nya tidak. Sebab 'mengunyanyang' itu rupa-nya sa-takat bermaana: "berchakap2 dengan tidak menentu tujuan."

Tegas-nya: 'membachang-bachang' ia-lah biasa-nya menchakapkan hal orang lain dengan maksud memburok2kan, sementara 'mengunyanyang' pula ia-lah berchakap2 tanpa tujuan tertentu.

BUAH BACHANG

Bagaimana pun saya teringat pula akan perkataan 'bachang'. *Bachang* itu menurut Kamus ia-lah sa-jenis tumbohan yang buah-nya sangat berbau. Orang2 kita menyebut-nya buah matan.

Saya kurang arif apa-kah ada sa-barang pertalian antara membachang-bachang itu dengn bachang. Maksud saya pertalian dari segi kata asal-nya. Yang pasti ia-lah perkataan bachang sa-bagai nama buah tidak ada dalam sebutan orang2 kita. Sa-balek-nya kita menamakan-nya dengan sebutan buah matan.

Maka dari segi ini tentu-lah jauh dari berkemungkinan perkataan *membachang-bachang* itu berasal dari perkataan *bachang*. Lalu kurang pula-lah kemungkinan ada sa-barang pertalian atau kaitan maana antara kedua-nya.

Tapi sifat buah bachang yang kita sebut buah matan itu sa-lain dari bau-nya keras ia-lah juga kulit-nya bergetah. Kalau silap2 memegang-nya berkemungkinan besar getah-nya itu mengenai kulit kita sa-hingga menyebabkan *undu*, ia-itu gatal2 kulit dan menjadikan-nya *hangus*, terutama sakali di-bahagian mulut sa-telah memakan-nya.

*Maka dari segi sifat-nya itu berkemungkinan pula kaitan-nya dengan membachang-bachang begini: Bachang boleh mendatangkan undu. Undu-nya itu tentu tidak menyenangkan. Membachang-bachang dalam erti kata memburok2kan orang pun nyata-nya tidaklah menyenangkan. Ia mendatangkan akibat yang tidak menyenangkan.*

TIDAK BAIK

Saya perchaya hampir rata2 kita berfaham begitu. Yakni: membachang-bachang itu tidak baik. Apa lagi sudah nyata dari maana-nya bermaksud memburok2kan orang yang di-bachang-bachang.

Dalam kita berfaham begitu rupa-nya ada pula orang yang menggemarinya. Ada yang gemar membachang-bachang, dan dengan berbagai chara dilakukan-nya, kalau tidak pada dengan sa-takat *berchakap* maka dia *menulis* dan *melayangkan* tulisan membachang-bachang itu. Ada yang gemar sa-takat mendengar orang membachang-bachang, dan shok pula apabila orang lain dibachang-bachang. Tapi yang gemar membachang-bachang tentu-nya memang gemar pula mendengar orang membachang-bachang dan gembira apabila orang lain di-bachang-bachang!

KURANG PASTI

Saya kurang pasti samada kegemaran sedemikian itu berupa sifat sa-mula jadi; atau sa-takat berupa perangai; atau pun memang-nya chuma suatu kegemaran.

Kalau ia sifat sa-mula jadi maka itu sukar-lah untok di-ubah. Sama saperti sifat sa-mula jadi buah bachang atau matan itu, dari dahulu sampai sekarang pun bau-nya tetap keras, kulit-nya bergetah yang itu boleh menyebabkan undu.

Kalau ia sa-takat perangai maka ada harapan juga untok di-ubah dalam erti kata di-baiki. Sama saperti *hangus* yang di-sebabkan oleh terkena undu getah bachang itu, ia boleh di-ubat dan banyak chara mengelakkan dapat di-buat.

Begitu pula hal-nya kalau ia sifat chuma kegemaran. Ia boleh di-hentikan. Sama saperti orang yang gemar memakan buah bachang, kalau ia pernah terkena *undu* dan bahagian mulut-nya *hangus* tentu lain kali dia akan berhati2 dan berkemungkinan tidak mahu memakan-nya lagi, atau sa-kurang2-nya tidak mahu memegang-nya. Apa lagi kalau dia memang-nya se dia berpenyakit ngilu2 tulang dan *allerjic* pula kapada bau yang keras saperti bau bachang itu tentu-lah ia berfikir dua kali sa-belum memakan-nya kerana yang demikian itu boleh memburokkan lagi penyakit *sajahan-nya.*

TIDAK MENYENANG-KAN

Tapi apa pun kemungkinan-nya, yakni sama ada gemar membachang-bachang itu berupa sifat sa-mula jadi; atau berupa perangai; atau pun chuma sa-takat suatu kegemaran — saya dapat-lah mengatakan-nya tidak menyenangkan.

Kalau gemar membachang-bachang itu berupa sifat sa-mula jadi, sama saperti sifat buah bachang yang berbau keras dan bergetah yang boleh menyebabkan undu, maka tentu sa-kali tidak menyenangkan sama ada bagi yang memang gemar memakan-nya atau yang sa-memang-nya tidak dapat memakan-nya. Bagi yang gemar memakan-nya ia kena-lah berjaga2 ketika memegang dan mengerat-nya. Mengerat-nya pula perlu-lah kena chara-nya. Bukan boleh sembarangan saperti buah mangga yang boleh di-tibak2 atau pun boleh juga di-hiris2. Kalau tidak kena chara memotong-nya itu akan bersagut2 pula isi-nya dan hilang-lah sedap-nya. Tentu itu tidak menyenangkan.

Kalau gemar membachang-bachang itu berupa perangai pun, sama saperti *hangus* terkena undu getah bachang, maka itu pun tidak menyenangkan. Sebab kulit yang terkena undu itu sa-belum hangus ia akan gatal2. Gatal-nya itu salah2, hendak di-garu takut melarat, hendak di-diamkan sukar pula mengawal jari yang memang suka menggaru!

Kalau gemar membachang-bachang itu sa-takat berupa suatu kegemaran, sama hal-nya gemar memakan buah bachang, maka kegemaran itu akan terpaksa pula di-sekat atau di-hentikan manakala ternyata sudah ada penyakit *sajahan*. Waktu itu-lah tinggal menelan ayer liur!

Pendek kata membachang-bachang itu tidak-lah baik, dan dari segi apa pun ternyata ia tidak-lah menyenangkan.

PUAS APA?

Jadi kalau juga ada yang gemar membachang-bachang tentu-lah orang itu sama saperti orang yang tidak dapat menahan nafsu selera-nya. Dia tahu dia berpenyakit *sajahan* atau pun *allerjic* tapi kerana selera-nya begitu *dahang* dia makan juga buah bachang. Hasil-nya: mungkin nafsu selera-nya puas tapi apa hal penyakit-nya? Puas sedemikian itu nama-nya puas nafsu. Sedang nafsu itu puas-nya tidak lama, sekejap ia kembali *dahang* lagi.

*Maka begitu-lah hal-nya orang yang gemar membachang-bachang, mungkin sa-kali dudok atau sa-kali layang dia berasa puas sa-telah dia dapat melepaskan geram-nya terhadap orang yang di-bachang-bachang-nya. Dan orang yang gemarkan perkara dari perbuatan membachang-bachang pula mungkin juga berasa puas mengetahui sa-seorang yang kena bachang-bachang itu di-burok2kan.*

Tapi dalam kedua hal itu sa-takat apa-lah puas-nya sa-lain puas hati?

Hati yang puas oleh membachang-bachang atau mengetahui sa-seorang telah di-bachang pasti-lah hati yang berpenyakit.

Maka orang yang berpenyakit hati itu kena-lah dia berubat. Tapi kerana di-negeri kita ini belum ada doktor atau hospital atau kelinik bagi merawat penyakit hati sedemikian, maka pada hemat saya sayugia-lah orang yang mengidap-nya menganalisa diri-nya sendiri, ia-itu sa-chara mengetahui sifat diri-nya. Dan antara sifat diri-nya itu pasti akan di-temui-nya ia-lah hasad dengki, dendam, dan gemarkan atau sukakan kalau orang lain menaroh shak dan jahat sangka kapada sesama Islam.

Sa-telah itu, kalau benar2 mahu berubat maka lateh-lah diri membiasakan berzikir dan berdo'a kapada Allah sa-hingga hati-nya itu jinak kapada mengingat Allah.

Begitu-lah pada hemat saya. Lain-lah hal-nya kalau memang belum mahu berubat. — Ketua Pegawai Penerangan.

# Foram belia Islam

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-jauh mana gulongan belia Islam dapat menghayati Islam di-jangka akan mendapat penilaian utama dalam foram belia yang akan berlangsong esok di-Bilek Bachaan Pusat Belia di-sini mulai pukul 7.30 malam.

Ahli2 penal foram itu di-jangka akan menumpukan perhatian mereka di-sekitar penglibatan gulongan belia dalam kegiatan2 keugamaan dan sudut2 pelaksanaan dalam diri sa-tiap belia Islam.

Pembicharaan dalam sudut ini akan lebeh banyak di-sentoh perligaran belia2 dalam negeri mereka sendiri yang di-anggap pendukong penting dalam mengesankan chorak Islam.

Foram tersebut di-anjorkan oleh Majlis Belia2 Negeri Brunei di-bawah thema "Belia Menghayati Islam Sa-Bagai Chara Hidup" dan satu perbinchangan hangat di-jangka akan mengambil tempat.

Ahli2 penal-nya ada-lah terdiri dari pemimpin2 belia yang berpengalaman dalam hal-ehwal keugamaan dan pergerakan2 belia negeri ini.

Mereka itu ia-lah Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman; Pengiran Badaruddin bin Pengiran Ghani; Pengiran Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman; dan Awang Mustapha bin Haji Abd. Rahman.

Pengerusi foram itu ia-lah sa-orang peguam muda, Awang Abbas bin Haji Seruddin. Majlis itu ada-lah terbuka untok di-hadhiri.

Sementara itu, juruchakap Majlis Belia2 Negeri Brunei mengumomkan penanggohan Kongres Agong dan Perwakilan MBB yang biasa-nya di-adakan tiap2 tahun pada 1hb. Januari.

"Oleh sebab beberapa perkara penting untok menjayakan Kongres itu, maka tarikh biasa itu telah di-tunda ka-tarikh yang di-tetapkan ia-itu pada 27hb. Januari, 1980".

Majlis Belia2 mengharapkan kapada kerabat2-nya supaya menyegerakan penghantaran nama wakil2 mereka ka-Kongres itu.

# STATE-WIDE CELEBRATIONS CONTINUE

KUALA BELAIT. — The month-long celebrations to commomerate the New Moslem Year of Hijrah continued last week with more events held throughout the state.

At the KBRC padang here, hundreds of people took part in a rally and later in a procession around the town.

The guest of honour at the rally, the Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, was among those who addressed the participants.

The acting District Officer, Pengiran Idriss bin Pengiran Temanggong Pengiran Haji Mohammed also spoke and later presented a souvenir from the people in the district to Pengiran Bendahara.

Before the procession, there were Quran reading and Nashid presentations and a special talk on Hijrah by the Chief Kathi, Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Haji Abd Hamid bin Bakal.

At the Panaga Police Station a new surau was officially opened by the Police Commissioner, Pengiran Setia Raja Pengiran Jaya bin Pengiran Haji Rajid.

Meanwhile in Tutong, a similar gathering was held at the Muda Hashim Malay School Padang where speeches were given by the Legislative Council Speaker, Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar and the District Officer, Awg Haji Chuchu bin Penglima Asgar Haji Abdullah.

A special talk on Hijrah was delivered by the Chief Information Officer, Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman.

In Bandar Seri Begawan, an exhibition outlining practices prohibited in Islam was held at the Town Padang (see picture below).

The two-day display was opened by Assistant Superintendent Police, Pengiran Indera Perkasa Pengiran Haji Hamdan on behalf of the Police Commissioner.

In his opening speech, the ASP urged members of the public to help the police in wiping out drug abuse and illegal gambling.

The Commanding Police Officer of the Brunei/Muara District, Awang Haji Abd Rahman bin Awang Besar who was also an exhibition chairman also spoke.



THE Speaker of the Legislative Council, The Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar (right) is seen being introduced to one of the participants in the gathering held at the Muda Hashim Malay School Padang in Tutong.

## RBMR school wins Nashid Competition

TUTONG. — The Malay and Preparatory School of the Second Battalion won the Nashid Competition for Primary Malay Schools in the Tutong District which was held at the Pengiran Anak Puteri Norain Religious School here last week.

It was one of the events in the programme to mark the Moslem New Year of 1400 Hijrah for the district.

A total of twelve teams took part in the competition and in the girls' section the championship went to the Kiudang Malay School.

Prizes were presented by the District's Kathi Awang Haji Bolhassan bin Mohammad Jair.

Another event was an exhibition which displayed the Moslem Women's Dress and Handicraft held at the Muda Hashim Secondary Malay School.

It was jointly organised by the Pertiwi Association and the Brunei Women's Institute and was officiated by Dy Hajjah Fatimah, wife of the District Officer.

At the same time a poster exhibition for primary schools in the District was held at the Lamunin Malay School.

Organised by the Education Department, it was officially opened by the Tutong Land Officer, Awg. Saifun bin Awang Besar.



## Shell merit prizes for 386

MUARA. A total of two hundred and ninety pupils in the state received the Brunei Shell Company merit prizes in four separate ceremonies held throughout the country.

All the recepients were from primary Malay, preparatory English, Chinese and Mission schools.

The first ceremony for pupils in the Brunei/Muara district was held at the SUAS Malay School here last Tuesday.

It was for one hundred and forty pupils from sixty seven primary schools in the district.

The prizes were given away by a representative of the Company, Awang Mohammed Shariff bin Haji Naweh.

Among those present at the occasion was Dayang Misli bte Haji Awang, the Acting Chief of Planning, Research and Guidance Unit of the Education Department.

On the following day, another thirty four pupils received the same awards at a ceremony held at the Puni Malay School in the Temburong District and attended by the Assistant Superintendent of Secondary Schools, Awang Abdul Jalil bin Haji Abd Rahman.

The other two ceremonies for sixty pupils in the Kuala Belait District and seventy-eight pupils in the Tutong District were held at the Kuala Belait Civic Centre and the Sinaut Malay School respectively.

The ceremonies were attended respectively by Awg Haji Mohd Sum bin Hashim and Awang Abdul Hamid bin Ismail, representatives of the Education Department.

Meanwhile today, another sixty-six students of the Secondary School and Colleges throughout the state are expected to receive the awards at the Shell Recreation Club in Seria at a ceremony to be attended by the Acting Deputy Director of Education Department, Awang Ali Hashim bin Haji Daud.

## No obscene films — Police

BANDAR SERI BEGAWAN. — Police has issued a warning against possessing or screening of 'blue' films.

The police said it was an offence to possess or screen obscene films or video cassettes and those found guilty of the offence would either be fined or jailed or both.

The warning followed the conviction of a man who was charged with possessing a 'blue' video tape.

## Supervision course for fourteen

BANDAR SERI BEGAWAN — Fourteen staff of the Survey Department last week attended a two-day course on supervision at the Training Centre of the Establishment Department here.

It was conducted by two officers of the training unit who also gave lectures on management and communication in the office and its problems.

The participants also discussed the role of supervisors, the concept of problem solving and distribution of responsibility and delegation of authority.

## Expert visits Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN. — The South East Asia representative of the Royal Commonwealth for the blind, Mr. W. G. Brohier was in Brunei for a three-day visit last week.

He arrived on board a Malaysian Airlines flight from Kota Kinabalu and was welcomed by two officials from the Welfare, Youth and Sports Department.

During his stay here, Mr Brohier held discussion on Educational facilities for the blind in the State with the Director of Welfare, Youth and Sports Department.

Before leaving for Kuching, he called on the Director of Medical Services, Pehin P. I. Frank and the Director of Education, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat.

## BCS PROFESSIONAL MEETING

BANDAR SERI BEGAWAN.— The Brunei Chemical Society will hold a professional meeting next Sunday at the Churchill Memorial Lecture Theatre here.

A lecture on 'the use of chemicals in the manufacture of food' will be presented by a prominent speaker from Singapore, Mr. Wong Hong Yik.

All those who want to attend the meeting are asked to contact Yusof Haji Hassan, Tel: 23307 or write to P.O. Box 627 Bandar Seri Begawan.

## Teachers' civic course

BANDAR SERI BEGAWAN — The civic course for teachers of the Junior Malay and Religious Schools throughout the state will be held at the Seri Begawan Religious Teachers' College at mile one Jalan Tutong here.

It is organised by the Information Section of the State Secretariat Department in cooperated with the Departments of Religious and Education and will be officiated by the General Advisor to His Highness the Sultan and the Yang Dipertuan, Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa.

The course will be attended by one hundred and fifty teachers who are asked to registar their names on the 23rd December at 2.00 — 4.00 pm. and to obtain, further details by telephone 26840.

## Songkoks and scarves

BANDAR SERI BEGAWAN.— In conjunction with the Moslem New Year, the Education Department is conducting a campaign to make Moslem teachers and students wear songkoks and scarves.

All men are to wear black songkoks, and white songkoks in case of Hajis.

White scarves are to be worn by girl students while female teachers can wear scarves of any colour.

The department also says that the present campaign for prayers to be conducted at hostels, and colleges will be continued indentely.



AWANG Samat bin Jamahat who was third in the TV Drama Section of the Radio and TV Drama Script Writing Contest, organised as part of the celebrations to mark the start of the Islamic Fifteenth Century, is seen above receiving his prize from the Director of Establishment Dato Setia Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Awang Haji Mohd. Taib.

# YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS ........



HAJI ISMAIL BIN OMAR ABDUL AZIZ
(YDM. Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama)
Pehin Datu Seri Maharaja, D.K., P.S.S.U.B., D.S.L.J., S.M.B., P.H.B.S., P.I.S., Azhar dan U. Cairo, Mufti

# ILMU KEBAL

## Siri ke-10

SAYA hairan mengapa sa-tengah2 orang Islam berangan2 membuat perkara khayal dan karut saperti hendak menjadi kebal. Ada-kah orang2 yang memakai kebal itu hidup menungkat langit? Saya dengar khabar dan perkhabaran orang yang menyangka diri kebal tergelimpang di-atas tanah. Ada-kah datok nenek mereka hidup beribu2, atau beratus2 tahun? Ada-kah mereka sekarang hidup bersama mereka? Mana Hitler yang mempunyai benteng pertahanan saperti benteng Magino, dan rakan-nya Mosolini yang menggegarkan pendengar2-nya, mana dia Stalin? Mana dia Chiang Kai Shek, Winston Churchill dan Roosevelt ada-kah mereka hidup?

Dalam Surah Az-Zumar ayat 30 Allah berfirman:

إِنَّكَ مَيِّتٌ وَإِنَّهُمْ لَمَيِّتُونَ

Tafsir-nya: *Bahawa kamu ya Rasulullah akan mati dan mereka pun akan mati. Maka janganlah mereka yang benchikan Rasulullah itu bosan dengan hidup kamu ya Rasulullah.* (Dari tafsir Al-Jalalain).

Rasulullah mati, Nabi2 yang dahulu juga mati dan orang2 yang benchikan Rasulullah pun mati. Mati akan mengenai semua yang bernyawa saperti yang tersebut dalam firman Allah Surah An-Nisa', ayat 78:—

أَيْنَمَا تَكُونُوا يُدْرِككُّمُ الْمَوْتُ وَلَوْ كُنتُمْ فِي بُرُوجٍ مُّشَيَّدَةٍ

Tafsir-nya: *Di-mana2 juga kamu berada, maka mati akan mengekori kamu (hai orang2 Islam) sekali pun kamu dalam benteng pertahanan yang tegoh2 dan tinggi2. Oleh yang demikian janganlah kamu takut kapada musoh Islam kerana takutkan mati.*

Menurut ayat Kor'an, orang yang menchari kebal kerana takut mati, ia akan mati juga walau pun ia ada kebal yang di-buat daripada chinchin berukir dengan nama Allah dan Rasul-nya, Allah tiada mengizinkan orang2 Islam berfikir dan khurafat dengan membuat perkara sesia itu.

### SUROHAN2

Apa yang di-suroh oleh Allah, ia-lah berjaga2 pada mengawal sempadan, sudut2 atau tempat yang di-fikirkan musoh boleh menyerang hendap. Maksud berjaga2 di-sini tidak sahaja dengan menghantar askar dan pulis tetapi orang Islam sendiri di-suroh berjaga di-tempat dan sudut2 yang agak lemah itu. Ini bukan-lah pendapat mufti, tapi ini ada-lah pendapat ulama fiqeh Islam dalam kitab fiqeh dan kitab2 Hadith. Dalam Kor'an pada akhir Surah Ali-Emran Allah memerentahkan:—

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اصْبِرُوا وَصَابِرُوا وَرَابِطُوا وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

Tafsir-nya: *Hai mereka yang beriman hendak-lah kamu sabar dan bersabar pada menemui musoh Islam dan hendak-lah sentiasa berjaga2 pada memerangi musoh kamu dan musoh Islam dan hendak-lah kamu bertakwa dalam segala hal ehwal kamu, supaya kamu dapat keuntongan dan kemenangan dunia dan akhirat,* (dari tafsir Al-Jalalain).

Apa yang di-suroh oleh Allah ia-lah orang2 Islam tetap dalam perpaduan mereka dan tegoh berpegang kapada ajaran Allah dan bertakwa kapada-nya, sa-bagaimana firman Allah dalam Surah Ali-Emran ayat 103:

وَاعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا

Tafsir-nya: *Berpegang tegohlah dengan ugama Allah oleh tiap2 sa-orang kamu dengan bersatu padu dan jangan-lah berpechah-belah dengan berselisèh faham sa-telah kamu menjadi orang Islam.* (Dari tafsir Al-Jalalain).

Apa yang di-suroh oleh Allah kapada orang2 Islam ia-lah agar berhati2 bila mendengar berita dan perkhabaran yang agak boleh membawa kerosakan dan keributan di-antara umat Islam, sa-bagaimana firman Allah Ta'ala dalam Surat Al-Hujurat, ayat 6:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِن جَاءَكُمْ فَاسِقٌ بِنَبَإٍ فَتَبَيَّنُوا أَن تُصِيبُوا قَوْمًا بِجَهَالَةٍ فَتُصْبِحُوا عَلَىٰ مَا فَعَلْتُمْ نَادِمِينَ

Tafsir-nya: *Hai mereka yang beriman, kira-nya datang kapada kamu sa-orang fasik membawa sa-suatu perkhabaran, maka hendak-lah kamu berhati2 pada perkhabaran-nya, samada benar atau dusta, takut supaya jangan kamu menimpakan ka-atas sa-suatu kaum atau kumpolan itu, dengan sebab jahil kamu dan tiada nyata perkhabaran itu disisi kamu, dan kamu menjadi menyesal dengan kekhilafan perkhabaran itu dengan membuat sa-suatu tindakan di-atas kaum dan kumpolan itu.*

*Dari ayat ini, ulama' berpendapat tiada boleh di-pakai perkhabaran yang tiada di-ketahui sumber-nya, kerana boleh jadi perkhabaran itu dusta. Sa-tengah ulama' pula berpendapat perkhabaran itu boleh di-terima sa-telah di-pereksa dan di-teliti. Menurut ayat ini perkhabaran orang fasik sa-telah di-ketahui ia fasik, tiada-lah boleh di-pakai, kerana kita umat Islam di-tegah mengikut akan jalan2 dan perbuatan2 perosak2, fasik dan jahat itu* (dari tafsir Ibnu Kathir).

### KEBAL TIDAK DI-SUROH

Allah tidak-lah menyuroh menchari kebal dan sa-umpama-nya dari perkara yang karut tiada dibenarkan oleh Islam. Sa-baleknya Islam menyuroh membuat barisan pertahanan negara agar terselamat dari serangan dan pencherobohan musoh yang sentiasa menanti dan menunggu kelemahan umat Islam dari segala segi dan sudut. Pertahanan yang di-maksudkan ia-lah menyediakan alat2 dan kelengkapan yang sesuai dengan seberapa daya, dan berhati2 sa-tiap masa dan waktu di-atas gerak-geri dan telatah dan tipu helah musoh itu, sa-bagaimana firman Allah dalam surah Al-Anfal ayat 60:

وَأَعِدُّوا لَهُم مَّا اسْتَطَعْتُم مِّن قُوَّةٍ وَمِن رِّبَاطِ الْخَيْلِ تُرْهِبُونَ بِهِ عَدُوَّ اللَّهِ وَعَدُوَّكُمْ وَآخَرِينَ مِن دُونِهِمْ لَا تَعْلَمُونَهُمُ اللَّهُ يَعْلَمُهُمْ

Tafsir-nya: *Sediakan bagi musoh2 kamu dan musoh2 Allah, sa-berapa yang kamu terdaya dan termampu kamu dari apa2 jua kekuatan dan dari alat senjata yang sesuai bagi melawan musoh2 itu, dan dari kepandaian menyerang dan bertahan, dan dari kuda2 yang kamu sediakan, bagi menakut dan menggerunkan musoh2 Allah dan musoh2 kamu, dan lain2 musoh, yang kamu tiada tahu akan kedudokan mereka, tetapi Allah tahu dan mengetahui akan ada-nya mereka, yang sentiasa akan menyerang kamu,* (dari Ibnu Kathir).

Telah di-ma'alomi tiada dapat di-sediakan kelengkapan dan kepandaian menyerang dan bertahan melainkan ada harta dan ilmu pengetahuan yang khas bagi-nya. Dari itu Allah menyuroh menchari harta dan wang serta berusaha menchari rezeki, makanan, belajar ilmu pertukangan dan ilmu membuat alat senjata dan sa-bagai-nya dari perkara yang boleh menghasilkan kekuatan kerana kekuatan itu tiada akan di-perolehi melainkan dengan ilmu dan usaha, maka dari itu wajib di-atas umat Islam mempelajari dan berusaha pada mendapatkan semua perkara itu. Dalam Islam ada satu kaedah mashor ia-itu segala perkara yang wajib tiada dapat di-laksanakan melainkan dengan suatu perkara yang lain, maka perkara yang lain itu pun wajib juga pada pandangan Islam.

مَا لَا يَتِمُّ الْوَاجِبُ إِلَّا بِهِ فَهُوَ وَاجِبٌ

Umpama-nya sembahyang itu wajib dan fardhu, tiada dapat di-laksanakan sembahyang melainkan dengan membuat wudzu', dan tiada dapat di-laksanakan wudzu' itu melainkan dengan ayer. Maka wudzu' itu wajib di-buat lebeh dahulu dan ayer wajib di-chari. Sementara ayer itu tiada dapat di-timba dari telaga melainkan dengan timba maka timba itu wajib di-buat dari upeh atau sa-bagai-nya atau di-beli atau di-sewa atau di-pinjam daripada orang. Maka timba dan membuat timba atau membeli timba atau menyewa timba atau meminjam timba ada-lah wajib semua-nya pada melaksanakan sembahyang yang wajib itu. Kiaskan-lah pula dengan lain2 perkara. Sa-bagaimana yang di-sebutkan dalam kitab2 Usul-Feqeh dan Feqah.

Dari ayat2 Kor'an yang mengatakan bahawa manusia itu akan menemui kematian, walau di-mana ia berada, sekali pun ia berada di-dalam benteng kubu yang tegoh, dan dari ayat2 Kor'an yang menyuroh bersatu padu dan jangan memakai khabar yang tiada tentu sumber-nya serta menyuroh belajar ilmu pengetahuan bagi kekuatan dan menyediakan alat2 pertahanan dan menyerang bagi ketegohan negara, nyata-lah di-sini bahawa ilmu kebal itu tiada-lah ada dalam Islam malah ia bid'ah, jahil dan sesat jua. Kira-nya ada tentu telah di-terangkan oleh Rasulullah (sullallahu 'alaihi wasallam) kapada sahabat2 Baginda dan telah di-riwayatkan pula oleh ulama Islam, kapada kita umat Islam. Kira-nya ada ilmu kebal dalam Islam, maka sudah tentu sayidina Hamzah bapa saudara Rasulullah kesayangan Rasulullah tiada terkorban ia dan rakan2-nya (radziallahu 'anhum) di-bukit Uhud, kerana umat Islam pada masa itu diserang dari jarak dekat dan mempunyai yunit2 yang terhad, yang berhajat pada ilmu kebal konon-nya kira-nya ada dan mustahak.

*WALLAHU A'ALAM*



ALLAH menyuroh orang2 Islam menyediakan alat2 dan kelengkapan2 pertahanan sa-berapa daya. Artikata ini tidak-lah termasok 'baju kebal' saperti dalam gambar ini, kerana ilmu kebal itu tidak ada dalam Islam malah ia di-kira bid'ah, jahil dan sesat.

# KA-ARAH MASHARAKAT ISLAM YANG BERSEH DAN TEGOH

BERTAKWA-LAH kehadharat Allah dan berakhlak dengan akhlak Islam, buat-lah kebaikan dan tinggal-kan-lah kemungkaran. Semoga masharakat kita menjadi masharakat Islam yang suchi berseh dan hidup tegoh.

Ugama Islam tidak suka sama sa-kali kapada perkara2 yang mungkar atau perkara2 yang salah samada yang berbentok perbuatan mahu pun yang bersifat meninggalkan suatu yang di-wajibkan, maka sa-siapa yang ternampak suatu perkara2 yang mungkar yang bertentangan dengan ajaran Islam di-lakukan oleh orang2 yang berugama Islam ada-lah wajib bagi-nya menchegah dan menghalang-nya.

Rasulullah s.a.w. dalam sabda-nya pernah memberi satu pengajaran dan ingatan kapada kita yang patut di-perhatikan dengan teliti demi kebaikan masharakat kita serta berusaha menchegah segala yang mungkar yang boleh merosakkan peribadi kita yang berugama Islam. Kerana rasa tanggong-jawab sa-sama kita mesti-lah di-tanamkan demi untok meninggikan shi'ar Islam.

Perlu tuan2 sedari yang masa ini banyak pengaroh2 barat yang boleh menjejaskan akhlak umat Islam. Apa-tah lagi bila perkara2 sa-demikian di-tiru oleh pemuda2 Islam dan di-lakukan di-khalayak ramai, mithal-nya: minum arak di-majlis2 perkahwinan, memakai pakaian yang mendedahkan 'aurat. Perkara2 ini ada-lah bertentangan dengan ajaran2 Islam, di-mana arak dan juga mendedahkan 'aurat telah di-haramkan oleh Allah. Perkara ini-lah yang mesti kita benteras dan chegah sa-bagai tanggong-jawab kita orang Islam.

Kewajipan ini ada-lah di-tuntut oleh Allah dan Rasul-Nya untok di-laksanakan dalam suatu masharakat sa-kadar yang dapat menurut chara2 yang di-wasiatkan oleh Rasulullah s.a.w. Kerana perbuatan melarang dan mengubah perkara2 yang mungkar ada hubongan-nya dengan iman dan sa-tinggi2 darjat iman ia-lah melarang dengan tangan dan sa-rendah2-nya ia-lah dengan hati.

Firman Allah yang bermaksud: *"Dan hen-dak-lah ada di-antara kamu sa-golongan umat yang menyeru kapada kebajikan menyuroh kapada yang ma'aruf dan menchegah dari yang mungkar mereka-lah orang2 yang beruntong"*.



## Memelok Ugama Islam

DAYANG Julia anak Stephen Bejit (gambar kanan) berasal dari Nanga Medamait, Limbang telah memelok Ugama Islam dalam satu majlis yang di-adakan pada 30hb. Nobember yang baru lalu.

Dayang Julia dengan memileh nama Islam-nya sa-bagai Dayang Nor'ain binte Abdullah telah melafadzkan ikrar di-hadapan YDM Pehin Orang Kaya Indera Laila (Begawan Mudim) Dato Seri Utama Awang Haji Ismail. Majlis pengIslaman itu telah di-langsongkan di-rumah Awang Ismail bin Mudim Bakar di-Kampong Kianggeh.



## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

**Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 12hb Disember, 1979 hingga ka-hari Selasa 18hb Disember, 1979 ada-lah saperti di-bawah ini: —**

| *Hari Bulan* | *Dzuhor* | *Asar* | *Magrib* | *Isha* | *Imsak* | *Suboh* | *Matahari Terbit* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 12hb Dis | 12.20 | 3.39 | 6.16 | 7.30 | 4.46 | 5.01 | 6.19 |
| 13hb Dis | 12.20 | 3.39 | 6.16 | 7.30 | 4.46 | 5.01 | 6.19 |
| 14hb Dis | 12.20 | 3.39 | 6.16 | 7.30 | 4.46 | 5.01 | 6.19 |
| 15hb Dis | 12.20 | 3.39 | 6.16 | 7.30 | 4.46 | 5.01 | 6.19 |
| 16hb Dis | 12.23 | 3.42 | 6.18 | 7.33 | 4.49 | 5.04 | 6.22 |
| 17hb Dis | 12.23 | 3.42 | 6.18 | 7.33 | 4.49 | 5.04 | 6.22 |
| 18hb Dis | 12.23 | 3.42 | 6.18 | 7.33 | 4.49 | 5.04 | 6.22 |

**Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.**

**Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.**

# KEJUJORAN SUATU KEPERLUAN HIDUP

KEJUJORAN ada-lah salah satu keperluan dalam kehidupan kita sa-hari-hari. Ia perlu di-pergunakan bila2 masa saja dalam kehidupan kita ini, sama ada dalam sa-sebuah rumah-tangga, dalam pergaulan sa-hari-hari atau pun dalam masa menjalankan sa-suatu amanah yang di-pikulkan ka-atas diri kita. Tanpa kejujoran tentu-lah akan timbul berbagai-bagai perkara yang tidak baik dan tidak di-ingini.

Chuba kita bayangkan sa-ketika apa akan terjadi jika sifat jujor ini tidak di-mileki oleh sa-tiap orang yang melibatkan diri dengan perniagaan? Menimbang tidak lurus, dan menyukat pula tidak betul. Dan lebeh terok lagi menjual sa-suatu yang tidak baik lagi saperti sudah bangsas dan sudah buntu. Tentu-lah akan menghasilkan sa-suatu yang tidak baik dan tidak di-ingini. Di-samping pembeli, penjual juga akan menerima akibat-nya. Betapa tidak-nya, tentu orang tidak akan nyanyat membeli di-tempat yang ia pernah menjadi 'mangsa'.

Dalam sa-buah hadith di-cheritakan; Rasulullah s.a.w. melihat tumpukkan makanan yang akan di-jual, maka Rasulullah s.a.w. memasokkan tangan-nya ka-dalam tumpokkan itu dan terasa basah. Nabi bertanya;*"Apa-kah ini hai penjual makanan?"* Jawab-nya; "Kena hujan ya Rasulullah". Rasulullah bertanya; *"Mengapa-kah tidak kau letakkan di-atas hingga di-lihat orang". "Siapa yang memalsu (menipu) bukan dari gulongan kami"*.

Berpandukan hadith ini terang dan jelas-lah larangan ketidak-jujoran, dan malah kita di-suroh berlaku jujor dalam sa-suatu hal.

Walaupun dalam hadith ini kita di-beri gambaran tentang surohan berlaku jujor dalam masa berjual beli tetapi ia mempunyai tujuan yang luas. Ataupun dengan lain perkataan kita di-suroh berlaku jujor di-mana2 saja dan pada bila2 masa saja.

Dalam sa-sebuah rumah-tangga mithal-an-nya, anak mesti-lah jujor terhadap ibubapa ataupun penjaga-nya. Suami mesti-lah jujor terhadap isteri dan sa-balek-nya. Kalau-lah sifat jujor ini tidak di-mileki sudah tentu akan menggonchangkan ketegohan dan kerukunan rumah-tangga itu. Betapa tidak-nya, kalau si-isteri sudah tahu yang suami-nya tidak jujor, tidak mustahil pula ia akan membalas dendam dengan ketidak-jujoran juga. Dan akhir-nya akan porak peranda-lah rumah-tangga.

Dalam hubongan-nya dengan orang ramai pula, kalau sa-kali kita tidak jujor, orang tidak akan perchaya kapada kita buat sa-lama-nya. Dan ada-lah susah untok menarek keperchayaan mereka itu lagi.

Sementara itu dalam sa-sebuah sharikat swasta, gedong2 perniagaan atau pun kontrektor2 yang sedia membuat sa-suatu projek, ada-lah perlu bagi tenaga penggerak-nya, dari sa-rendah2 kaki-tangan sa-hingga membawa kapada orang yang terpenting, memileki sifat jujor. Kalau ada terselit di-dalam-nya tenaga yang tidak jujor maka sudah tentu-lah akan menjejaskan kelichinan perjalanan sharikat itu. Jua tentu-lah akan menjejaskan keperchayaan orang ramai, sebab model yang paling utama ia-lah kejujoran dan bukan-lah harta yang bertimbun sa-mata-mata.

Chuba kita tanya kapada diri sendiri; apa-kah kita perchaya kapada orang2 yang tidak jujor. Tentu-nya tidak. Sebab pengalaman pertama memberi jalan kesedaran supaya tidak terkena buat kali kedua. Dan apa-kah kita mahu tidak di-perchayai oleh orang ramai? Jua jawapan-nya kita tidak mahu. Jadi-nya, benar-lah apa yang di-katakan bahawa; kejujoran ada-lah salah satu keperluan dalam kehidupan.

Dalam sa-buah hadith yang telah di-riwayatkan oleh Imam Bokhari dan Muslim, Rasulullah s.a.w. pernah bersabda yang bermaksud: *"Sa-seorang menjalankan tugas-nya dengan amanah, menjayakan-nya dengan jujor dan membaiki ibadat-nya kapada Allah, maka ia akan mendapat pahala dua kali ganda."*

Dalam sa-buah hadith yang lain yang telah di-riwayatkan oleh Ibn Hibban, Rasulullah s.a.w. pernah bersabda yang bermaksud: *"Tiada beriman orang yang tiada jujor dan tiada berugama orang yang tiada menyempurnakan janji."*

Oleh yang demikian, memandangkan kapada hasil2 yang tidak di-ingini apabila sa-seorang itu membelakangi sifat jujor, maka kita perlu-lah mengambil langkah yang positif untok mempraktikkan sikap kejujoran ini. Ia bukan saja perlu untok di-pergunakan dalam masa menjalankan sa-suatu amanat yang di-pertanggong-jawabkan kapada kita malahan untok di-pergunakan pada sa-tiap detik dan ketika.

## Bingkisan minggu ini

# Peristewa berdarah di-rumah Allah

**Dari Kaherah**



**Haji Abdul Aziz Juned melaporkan**



PEMANDANGAN dalam Masjidil Haram di-mana Ka'abah terletak di-dalam-nya.

**MASA :**

WAKTU fajar hari Selasa, awal tahun baharu Hijrah 1400 bersamaan 20hb Nobember, 1979.

**TEMPAT :**

Mekah Al-Mukarramah, bertepatan di-dalam Masjid Al-Haram . . . .

**KEADAAN :**

Terbayang kapada kita kumpolan orang2 haji sedang berduyun-duyun menuju masok ka-Masjid Al-Haram untok menunaikan sembahyang fardhu Suboh. Hari itu ada-lah permulaan tahun baharu Hijrah. Suasana agak sedikit istemewa dari hari2 yang lain, di-sa-genap penjuru dan hingga keluar masjid, di-pasang alat2 pembesar suara, yang senghaja bagi menghantar lebeh kuat dan lebeh jauh lagi suara Bilal (*Al-Muazzin*) menyampaikan seruan Islam: " . . . Mari-lah sembahyang . . . mari-lah menchapai kemenangan . . . sesunggoh-nya sembahyang itu lebeh baik dari tidor . . . "

Suara itu memechah kesunyian suboh, membelah udara dan suasana. Khushok dan takwa memenohi ruang Al-Haram (Masjid Al-Haram). Tua muda, kechil besar, berpangkat atau tidak, lelaki dan perempuan masing2 sudah mengambil tempat-nya. Kepala sudah kosong dan hati bulat hanya kapada Allah. Tidak ada apa yang di-ingat lagi masa itu, kechuali ashik dan tawadhok berhadapan dengan wajah Allah. Segala anggota yang ada, hati dan lidah sa-bagai ketua-nya masing2 khushok bertasbih dan berzikir. Pendek-nya dunia ini fana dalam tafakkor dan shukor. Tetapi tiba2 . . . berdentom bunyi tembakan, mengejutkan hati muslimin yang sedang tafakkor itu, kemudian berkechamok suara2 ganjil . . . dan sa-bentar kemudian HURU-HARA pechah! Pechah!

Meledak di-sana-sini, di-semua penjuru masjid. Pintu2 tertutop. Orang2 bersenjata telah siap sedia di-tiap2 pintu itu. Suara Imam Besar Masjid Al-Haram kedengaran memerentahkan jemaah supaya keluar sebab ada *sabotaj!* Tetapi suara itu putus, di-ganti dengan bunyi tembakan. Imam Besar jatoh dan shahid di-tangan penjahat. Orang2 ada bertempiaran, menuju di-mana jua pintu yang dekat, tetapi . . . . . (Surat khabar *Akhbar Al-Yaum*, keluaran Sabtu 4hb Muharram, 1400 bersamaan 24hb Nobember, 1979).

*Demikian bermula-nya kejadian berdarah menchabol Rumah Allah, kiblat orang2 Islam, tempat yang paling suchi di-antara tempat2 muqaddasah lain-nya.* Kejadian ini menggempar dan memarahkan orang Islam di-seluroh dunia.

## KOMEN 'ULAMA

Di-Kaherah, Mesir, dengan tidak tanggoh2, pada hari berikut-nya juga telah keluar kenyataan2 yang tegas oleh alim 'ulama dan kerajaan yang di-dahului oleh *Sheikh Al-Azhar* Dr. Abdul Rahman Baisar, *Menteri Auqaf* Al-Sheikh Dr Abdul Mun'im An-Namir dan *Mufti Kerajaan* Al-Sheikh Jadul Hak Ali Jadil Hak.

Kenyataan oleh Sheikh Al-Azhar itu, yang juga telah di-hantar kapada ketua 'Ulama Arab Saudi, antara lain berbunyi (terjemahan-nya):

"Bertepatan dengan datang-nya tahun baharu Hijrah dan kita dalam keadaan siap sedia menguchapkan tahniah kapada tuan2, dan raayat Saudi dan umat Islam seluroh-nya, tiba2 kita terkejut dengan perbuatan orang2 berdosa yang tidak di-redhai oleh Allah dan Rasul-Nya, yang bertentangan dengan prinsip2 Islam dan ajaran2 akhlak yang mulia, ia-itu perlakuan mencheruboh *Baitullah Al-Haram* di-Mekah Al-Mukarramah, *RUMAH TEMPAT BERKUMPOL BAGI MANUSIA DAN TEMPAT YANG AMAN* (Al-Baqarah: 125). Hal ini sangat2 mendukachitakan kita dan umat Islam seluroh-nya. Perbuatan yang ganas ini bukan-lah terbit dari orang2 yang beriman kapada Allah dan Rasul-Nya. Kita ishtiharkan kapada tuan2 dan seluroh umat Islam, bahawa kita mengutok perbuatan bermusoh itu, kerana ia-nya mencheruboh Shari'at Allah Ta'ala dan tempat2 suchi yang sangat2 di-hormati . . . ."

Sheikh Al-Azhar juga menyeru alim 'ulama di-seluroh dunia supaya membinchangkan dan mengambil sikap tegas di-atas kejadian ini.

Sementara kenyataan oleh *Menteri Auqaf Mesir*, antara lain menegaskan, bahawa bersempena dengan tahun penamat bagi kurun yang ke-14 Hijrah dan perayaan awal tahun baharu Hijrah, di-serukan kapada dunia Islam agar bersatu-padu dengan menghapuskan pertelingkahan2 mereka, supaya sekalian umat Islam dapat melindongi Al-Haram. Tambah-nya lagi: "Bahawasa-nya mereka yang bertanggong-jawab mencheruboh Baitullah Al-Haram itu, mereka bukan-lah dari golongan orang2 Islam . . . ."

Al-Sheikh Jadul Hak Ali Jadil Hak, *Mufti Kerajaan Mesir* pula berkata dalam bentok fatwa, bahawa berdasarkan ayat Al-Kor'an dan Hadith2 Nabi yang menghendaki kita menghormati Baitullah Al-Haram dan melarang menumpahkan darah di-dalam-nya, maka perbuatan orang2 bersenjata yang mencheruboh Masjid Al-Haram itu ada-lah *DOSA BESAR* dan mereka wajib-lah di-bunoh dan di-adili. "Tiap2 orang Islam," tambah beliau, "ada-lah wajib melindongi Al-Masjidil Haram. Jika tidak, yakni jika mereka diam atau memerhatikan-nya sahaja, maka semua orang Islam akan berdosa . . . ."

Demikian serba sedikit saya petek kenyataan ulama2 Mesir berhubong dengan kejadian ini.

## ABRAHAH MODEN

Pencheruboh2 yang murtad itu dapat di-umpamakan sa-bagai Abrahah zaman moden. Mereka sa-benar-nya tidak mahu belajar dari kejadian2 masa lampau, bagaimana mithal-nya perchubaan pertama oleh Abrahah salah sa-orang dari raja2 Yaman yang ingin *mengalihkan* ibadat haji itu, agar di-kerjakan di-negeri-nya, dengan membena sa-buah tempat ibadat yang boleh menandingi Ka'abah. Chara-nya sa-lain dari menyediakan ganti Ka'abah, juga langkah penting ia-lah meruboh dan menghanchorkan Ka'abah itu sendiri. Lalu di-hantar-lah satu pasokan tentera bergajah bagi tujuan yang keji ini. Tetapi Allah Maha Berkuasa menjaga dan memelihara Rumah-Nya yang suchi itu, yang di-bena oleh bapa Nabi2, Syedina Ibrahim dan anak Baginda Syedina Ismail Alaihiwassalam.

Maka berlaku-lah hukum Allah ka-atas pasokan bergajah Abrahah, sa-bagaimana telah di-abadikan kisah-nya oleh Allah di-dalam Al-Kor'an, Surah Al-Fil. *Allahu Akbar!*

Itu kejadian di-masa jahiliah.

Sementara di-masa Islam, telah berlaku juga suatu pencherubohan pada zaman Kerajaan Umawi oleh *Al-Hajjaj bin Yusuf Al-Thaqafi*. Peristewa itu berlaku dalam tahun 73 Hijrah, kerana sebab2 politik untok mengajar Abdullah bin Az-Zubir yang tidak mahu ta'at kapada Khalifah Umawi pada masa itu. Abdullah bin Az-Zubir lari ka-Mekah, lalu datang Al-Hajjaj bin Yusuf dengan tentera2-nya mengepong Mekah sa-lama lapan bulan tujoh belas hari, dengan memotong segala perbekalan kemudahan dan makanan.

Ibnu Az-Zubir dan pengikut2-nya bersembunyi di-dalam Masjid Al-Haram. Dan manakala Al-Hajjaj mengetahui hal ini, lalu ia pun menjalankan kerja gila-nya dengan menembak Masjid Al-Haram dengan "*menjanik*" (sa-jenis lastik raksaksa yang berpelurukan batu2 besar, yang di-gunakan sa-bagai senjata berat yang amat merbahaya dalam peperangan2 zaman lampau). Peluru2 menjanik itu telah mengenai Al-Haram dan dinding2 Ka'abah.

Menurut tawarikh, pada masa itu, telah berlaku kilat dan guroh sabong-menyabong menyebabkan datang takut kapada tentera2 Al-Hajjaj. Mereka berhenti dari menembak, sa-hingga marah Al-Hajjaj, dan memegang sendiri menjanik sambil berteriak-teriak: "Tembak! Tembak!" Kemudian datang lagi kilat dan guroh lebeh hebat, sa-hingga terbunoh dari kalangan orang2 Al-Hajjaj sa-ramai 12 orang . . . . .

## JENAYAH ORANG2 QARAMITAH

Lepas itu, sa-telah beberapa abad berlalu, dalam bulan Zulhijjah musim haji, tahun 317 Hijrah datang pula satu gerombolan pencheruboh2 yang di-ketuai oleh sa-orang laki2 yang bernama *Abu Tahir Sulaiman Al-Qormoti* dari negeri Al-Bahrin. Bersama2-nya 600 (enam ratus) orang tentera dan 900 (sembilan ratus) orang biasa. Mereka telah menghalang perjalanan orang2 haji ka-Baitullah, merampas harta2 mereka dan membunoh beberapa ramai orang2 haji di-dalam Masjid Al-Haram. Mereka membuka pintu Ka'abah, Qubbah Zamzam dan Al-Hajarul Aswad. Mengambil kelambu Ka'abah dan memotong2-nya di-antara mereka.

Juga di-antara sebab2-nya ia-lah siasah dan dengki, kerana pada masa itu polisi dan siasah negeri2 Islam tidak bersatu. Orang2 *Fatimi* yang bermazhab She'ah di-sebelah barat, di-ketuai oleh Abdullah bin Al-Mahdi, sementara ia-nya di-tentang atau bertentangan dengan Kerajaan Abbasi yang masa itu di-pimpin oleh Al-Muqtadir Billah. Kerana itu sejarah menyebutkan, bahawa sa-baik2 sahaja orang2 Qaramitah ini merampas Ka'abah, mereka lalu bangun berkhutbah atas nama khalifah mereka orang2 Fatimi.

Berkata Al-Sheikh Mansor Al-Rafa'i, Pengawas Am bagi Masjid2 Kampong di-Kementerian Awqaf Negeri Mesir dalam surat khabar *Al-Gomhuriah* keluaran 3hb Muharram 1400 bersamaan 22hb Nobember, 1979 mengenai peristewa orang2 Qaramitah ini, kata-nya: "Mereka itu ada-lah kumpolan orang2 She'ah dalam negeri Al-Bahrin, terkenal dengan nama Al-Qaramitah, sa-bagai mengambil nama dari pemimpin mereka "Abu Tahir Al-Qormoti", yang telah membena rumah di-bandar "*Hijar*" untok menggantikan Ka'abah di-negeri mereka, ia-itu satu chara untok mengalihkan ibadat haji di-lakukan di-negeri mereka."

Dalam surat khabar yang sama, pensharah dalam bahagian Tarikh Islam Kuliah Adab, Cairo University, Dr Jamaluddin Surur pula menerangkan, bahawa pemimpin gerombolan yang dzalim ini (Abu Tahir Al-Qormoti) telah keluar dari Mekah menuju bandar "*Al-Ihsa*" dalam wilayah *Az-zahran* di-timor Semenanjong Negeri Arab dengan membawa bersama-sama-nya Al-Hajarul Aswad.

Sementara surat khabar *Al-Ahram* dalam keluaran-nya pada tarikh yang sama, Fadzilah Al-Sheikh Dr. Abdullah Al-Mushid salah sa-orang dari ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Mesir telah pula berkata mengenai golongan Qaramitah ini, kata-nya: "Bahawa pada sa'at2 akhir Kerajaan Abbasiah, golongan Al-Qaramitah ini telah memerangi negeri2 'Iraq dan Sham, mereka telah merompak orang2 Islam yang menunaikan fardhu haji, mereka pergi ka-Mekah dan membunoh orang2 haji di-dalam Masjid Al-Haram. Mereka selamkan mayat2 orang Islam itu ka-dalam telaga Zamzam dan melimpar-nya ka-dalam lobang2 yang di-gali. Mereka ambil Al-Hajarul Aswad dari tempat-nya. Orang2 Qaramitah ini ada-lah satu kumpolan dari Mazhab Al-She'ah Al-Batiniah yang mulhid dan kafir."

Banyak lagi komen 'ulama2 Mesir mengenai kejadian ini.

Sa-hari sa-lepas itu, pada hari Rabu, Masjid Al-Azhar telah di-penohi oleh kumpolan2 umat Islam. Berkata Al-Sheikh Muhammad Abdul Baqi, Imam Masjid Al-Azhar: "Sesunggoh-nya ini ada-lah pencherubohan, pencherubohan terhadap Islam dan umat Islam. Tidak shak lagi, bahawa Allah s.w.t. berkuasa memulangkan-nya kapada yang ampunya perbuatan. Tidak-kah kita mahu rujok kapada sejarah *Ashabul Fil* (orang2 bergajah)? Bagaimana Allah telah mengutus bala tentera dari busong2 ababil, yang kira2 chukop untok meranapkan penjenayah2 Rumah Allah itu . . . ."

Demikian-lah, Allah sa-laku penguasa segala hati dan kepala manusia, telah menyampaikan taufik-Nya kapada ulama2, sa-hingga mereka sapakat dengan berlandaskan hukum Allah, meminta supaya penjenayah2 itu di-hukum berat. Berkata salah sa-orang anggota Jemaah ulama2 dan Mahaguru Universiti Al-Azhar, Fadzilah Al-Sheikh Salleh Sharaf: "Wajib bagi sekalian orang Islam mengutok perlakuan jenayah yang keji ini, dan khusus-nya Kerajaan Saudi hendak-lah menjatohkan qisas ka-atas tiap2 penjenayah tersebut . . ."

## DALAM KHUTBAH

Pada hari Jumaat, ia-itu masok hari ketiga kejadian itu, khutbah Jumaat di-Masjid2 seluroh Negeri Mesir ada-lah berkisar pada kejadian di-Masjid Al-Haram. Pendek-nya, semua kegiatan2 penerangan berupa akhbar, radio, talivishen dan juga khutbah Jumaat ada-lah di-gunakan untok itu. Di-mana2 kedengaran orang berchakap mengenai peristewa yang melukakan hati ini: Hingga di-pasar, di-dalam bas, teksi dan lain2. DEMIKIAN-LAH JIKA KEHORMATAN UMAT DAN UGAMA DI-SENTOH ORANG.

# RANCHANGAN TV MINGGU INI

Pehak Radio Talivishen Brunei berhak untok menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebeh dahulu.

## RABU — 12HB DIS.

PETANG

5.45 PEMBUKAAN
5.46 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
5.58 SUSUNAN RANCHANGAN
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 STAR TREK — "The Way To Eden" Pemberontak2 sosial menawan The Enterprise dan mengancham untok memusnahkan-nya melainkan mereka di-bawa ka-"paradise".
6.16 AZAN MAGHRIB
6.20 STAR TREK — sambongan
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 LAGU2 DAAWAH
7.30 AZAN ISHA
7.34 LAGU2 DAAWAH — sambongan
7.40 WHO PAYS THE FERRYMAN? — "Some Talk of Alexander" Sa-orang lagi lelaki Inggeris pulang ka-Crete, dan di-paksa mendedahkan satu rekod peperangan yang kurang mengkagumkan.
8.30 WARTA BERITA
8.45 MAJALLAH BRUNEI
9.05 PERKEMBANGAN UGAMA ISLAM DI-BRUNEI — "Jabatan Hal Ehwal Ugama Sa-bagai Institusi Perkembangan Ugama Islam Di-Brunei"
9.20 SHOW OF THE WEEK: Val Doonican
9.40 GUSTI
10.20 PETIKAN DARI AL-KORAN
11.10 SIARAN TAMAT.

## KHAMIS — 13HB DIS.

PETANG

5.45 PEMBUKAAN
5.46 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
5.58 SUSUNAN RANCHANGAN
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 BIG BLUE MARBLE
6.16 AZAN MAGHRIB
6.20 BIG BLUE MARBLE — sambongan



NEIL McCarthy sa-bagai Babis Spiridakis, sa-orang peguam berbangsa Crete dalam siri WHO PAYS THE FERRYMAN?

6.30 DR. WHO — "The Seeds of Doom" — Bahagian 1.
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 HIDAYAT
7.30 AZAN ISHA
7.34 HIDAYAT — sambongan
7.40 LUCAN
8.30 WARTA BERITA
8.45 MAJALLAH BRUNEI
9.15 DOCUMENTARY: Traditional World of Islam "Man and Nature"
9.45 TAYANGAN GAMBAR MELAYU
11.45 PETIKAN DARI AL-KORAN
11.57 SIARAN TAMAT.

## JUMAAT — 14HB DIS.

PETANG

5.15 PEMBUKAAN
5.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
5.28 SUSUNAN RANCHANGAN
5.30 FAMILY CLASSICS— "Paul Bunyan" Sa-orang tua mengesahkan dongeng ini sambil memainkan banjo-nya dengan menghidupkan imej watak dongeng Paul Bunyan dan kapak besar-nya untok kanak2 lelaki dan perempuan yang menyuroh-nya bercherita.
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 UNDER THE SAME SUN
6.16 AZAN MAGHRIB
6.20 UNDER THE SAME SUN — sambongan
6.30 FAMOUS FIVE — "Five Fall Into Adventure" Bahagian 1
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 NASHID HIJRAH
7.30 AZAN ISHA
7.34 NASHID HIJRAH — sambongan
7.40 THE DONNY AND MARIE SHOW
8.30 WARTA BERITA
8.45 PERUBATAN
9.05 THE DAVID NIXON MAGIC SHOW
9.55 HAWAII FIVE "O" — "Retire In Sunny Hawaii . . . For Ever" Pembunohan di-Hawaii oleh sa-orang lelaki yang tua, rakan Clara Williams, yang chuba mengesan sa-kumpolan kechil penjahat2 yang menchuri sa-jumlah besar wang dari akaun2 bank yang terbengkalai yang mana sa-patut-nya di-mileki oleh negeri Hawaii.
10.45 SCORPION TALES
11.35 PETIKAN DARI AL-KORAN
11.47 SIARAN TAMAT.

## SABTU — 15HB DIS.

PETANG

5.15 PEMBUKAAN
5.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
5.28 SUSUNAN RANCHANGAN
5.30 KUM KUM — "Three Black Crows" Pendudok2 kampong sedang menyemai di-ladang. Kanak2 mula menolong Pyonkis menutop biji2an. Tetapi burong2 gagak terbang ka-bawah, menggali biji2an dan mengganggu kanak2.
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 SESAME STREET
6.16 AZAN MAGHRIB
6.20 SESAME STREET — sambongan
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 ANIMAL WORLD — "Pink Treasure"
7.30 AZAN ISHA
7.34 ANIMAL WORLD — sambongan
7.40 TARGET — "Lady Luck" Hackett menyiasat pencholekan sa-orang gadis yang menjadi sasaran utama dan menerima bonus — bokti yang chukop untok menangkap bapa-nya.
8.30 WARTA BERITA
8.45 MAJALLAH BRUNEI
9.05 KAZ — "Which Side Are You On?" Banduan2 yang bersenjata dan pemarah mengambil aleh penjara di-mana Martin Kazinki pernah menjalani hukuman, dan apabila bekas2 banduan yang sa-penjara dengan-nya memintanya untok menjadi orang tengah mereka.
9.55 BIG LEAGUE SOCCER
10.45 TAYANGAN MALAM MINGGU: "Whatever Happened To Aunt Alice?"
12.15 PETIKAN DARI AL-KORAN
12.27 SIARAN TAMAT.

## AHAD — 16HB DIS.

PETANG

5.15 PEMBUKAAN
5.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
5.28 SUSUNAN RANCHANGAN
5.30 AL-KESAH
5.45 READING WITH LENNY
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 THE GREEN HORNET
6.18 AZAN MAGHRIB
6.22 THE GREEN HORNET — sambongan
6.30 TAHUN KANAK2 — Bahagian 3
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 MIXED BLESSINGS — "A Leg From The Past"
7.33 AZAN ISHA
7.37 MIXED BLESSINGS — sambongan
7.40 THE INCREDIBLE HULK — "Vendetta" David Banner menulong menamatkan permusohan di-antara sa-pasang suami isteri yang muda yang chuba membalas dendam dengan sharikat di-mana si-suami berpendapat ada-lah bertanggong-jawab di-atas kematian bapa-nya.
8.30 WARTA BERITA
8.45 MARI MENARI
9.30 THE IMMIGRANT — Bahagian 2
11.00 THE NEXT STEP BEYOND
11.30 PETIKAN DARI AL-KORAN
11.42 SIARAN TAMAT.

## ISNIN — 17HB DIS.

PETANG

5.45 PEMBUKAAN
5.46 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
5.58 SUSUNAN RANCHANGAN
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 THE LIFE AND TIMES OF GRIZZLY ADAMS — "Woman of The Wilderness" Grizzly chuba menghalang sa-orang wanita dari membunoh sa-ekor beruang yang di-perchayai-nya bertanggong-jawab atas kematian bapa-nya.
6.18 AZAN MAGHRIB
6.22 THE LIFE AND TIMES OF GRIZZLY ADAMS — sambongan
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 THE FACTS OF LIFE — "Skin Deep"
7.33 AZAN ISHA
7.37 THE FACTS OF LIFE — sambongan
7.40 PETROCELLI — "Death In Small Doses" Satu lingkaran kejadian yang ganjil tiba2 berakhir dengan kematian lelaki tua dan jururawat-nya yang menarek, dan dalam satu perbicharaan yang dramatik di-mana Petrocelli membela sa-orang budak lelaki belasan tahun atas dakwaan membunoh.



SHAUN Cassidy sa-bagai Joe Hardy dalam episod yang penoh dengan pergerakan HARDY BOYS MYSTERIES dengan jodol "Scorpion's Sting" pada hari Selasa jam 7.40 malam.

8.30 WARTA BERITA
8.45 MAJALLAH BRUNEI
9.05 VEGAS
9.55 POLDARK — Episod: 13 Minggu ini memperlihatkan tamat-nya siri Poldark. Bagi Ross dan Demelza soalan2 telah dapat di-selesaikan.
10.40 PETIKAN DARI AL-KORAN
10.52 SIARAN TAMAT.

## SELASA — 18HB DIS.

PETANG

5.45 PEMBUKAAN
5.46 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
5.58 SUSUNAN RANCHANGAN
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 VISION ON
6.18 AZAN MAGHRIB
6.22 VISION ON — sambongan
6.30 BATTLE OF THE PLANETS — "Demons of the Desert" G-Force terbang ka-Padang Pasir Arab untok menolong teman mereka, Sheik of Aburra, mempertahankan diri mereka dari sa-buah UFO yang besar dari angkasa lepas.
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 SERIKANDI
7.33 AZAN ISHA
7.37 SERIKANDI — sambongan
7.40 THE HARDY BOYS — "Scorpion's Sting" Joe dan Frank Hardy di-hantar ka-Puerto Rico atas satu tugas yang membahayakan ia-itu membebaskan sa-orang gadis jelita anak sa-orang Senator dari chengkaman pencholek-pemeras antarabangsa yang di-kenali sa-bagai "Scorpion".
8.30 WARTA BERITA
8.45 MAJALLAH BRUNEI
9.15 ARENA SOKAN
9.55 DOCUMENTARY: WORLD ABOUT US "Bushmen of the Kalahari"
10.45 KOJAK
11.35 PETIKAN DARI AL-KORAN
11.47 SIARAN TAMAT.



intisari
RTB
minggu ini

## Siswazah Brunei mi



SISWAZAH BRUNEI minggu ini ia-lah Awang Hamzah bin HASSAN, Jurutera Letrik Bahagian Pengguna di-Jabatan Letrik, Bandar Seri Begawan.

Beliau beroleh ijazah B.Sc(Hons) dalam bidang Electrical dan Electronic Engineering dari Brighton Polytechnic, United Kingdom pada tahun 1977.

Jemput-lah mengikuti ranchangan ini pada 14hb Disember, 1979 jam 7.30 malam dan ulangan-nya pada hari Sabtu jam 1.00 tengahari.

## "Bushmen of the Kalahari" dalam siri The World About Us

SEMUA-NYA bermula di-penghujong tahun2 1950an, ketika Dr. Heinz bertugas sa-bagai sa-orang pensharah di-Johannesburg University, di-mana beliau memulakan expedisi-nya yang pertama ka-Padang Pasir Kalahari untok mempelajari tentang Bushmen. Ia merasa hairan dan takjub oleh kumpolan2 pemburu ini yang di-temui-nya, hidup sa-olah2 mereka maseh berada dalam Zaman Batu; menggali akar2, memburu binatang dengan anak2 panah berachun.

Beliau berulangalek ka-tempat ini. Ia menyedari bahawa orang2 Bushmen mesti-lah menyesuaikan diri mereka jika mahu terus hidup. Ia meranchang untok mengetuai pengubah-suaian bagi satu kumpolan ia-itu kumpolan Bushmen of Bere.

Kini kumpolan ini mempunyai sistem perayeran mereka sendiri, 200 ekor kambing dan lebeh 100 ekor lembu. Terdapat juga tempat mandi, sa-buah kedai, sa-buah sekolah dengan guru-nya sendiri, Liz Wiley yang berusia 25 tahun, dari Christchurch, New Zealand, salah sa-orang guru yang menakjubkan di-Kalahari. Dengan gaji yang kechil, ia mengajar sa-lama 10 jam sahari. Heinz pula seringkali tidak dapat datang ka-tempat ini hingga berbulan2 lama-nya, guru ini sahaja-lah yang merupakan satu2-nya orang kulit puteh di-padang pasir yang panjang-nya beratus2 batu itu; tetapi bagi-nya, dengan di-kelilingi oleh Bushmen: "Ia tidak keseorangan".

Kedua2 Heinz dan Liz mengakui bahawa mereka membuat kesilapan2 dalam skim perpindahan ini, tetapi pada dasar-nya, mereka perchaya skim ini mendatangkan faedah. Bagi orang2 Bushmen sendiri, terdapat pula golongan yang mempunyai sa-kumpolan lembu2 gemok yang baru; dan juga golongan pemburu2 kechil yang maseh memburu di-padang pasir, lengkap dengan anak2 panah yang berachun.

Berapa lama-kah golongan tua ini akan mengekalkan chara penghidupan mereka, Heinz dan juga sa-golongan orang2 Bushmen ini sendiri tidak dapat mempastikan-nya.

Dokumentari ini akan dapat di-saksikan tayangan-nya pada hari Selasa jam 9.55 malam.

TO coincide with the final week of the Daawah month, RADIOSCOPE invited USTAZ ABDUL MOKTI BIN HAJI DAUD a Senior Religious Affairs Officer from the Religious Affairs Department to talk about THE SIGNIFICANCE OF HIJRAH. He explain why Prophet Muhammad made the journey from Mecca to Medina.

This programme can be heard on Friday at 12.00 noon and the programme will be repeated on Tuesday 18th December at 8.30 pm.

## MENYERTAI DENDANG MUZIKA MELAYU

PEMINAT2 seni suara tanah ayer, di-pelawa untok menyertai ranchangan DENDANG MUZIKA MELAYU, terbitan Bahagian Melayu Radio Brunei. Di-bawah ini, di-sediakan Borang Penyertaan, dan hantarkan kapada Penerbit ranchangan tersebut.

Penerbit Dendang Muzika Melayu.
Bahagian Melayu,
RTB.

NAMA PENOH : ..........................................
No. IC : ..........................................
ALAMAT : ..........................................
..........................................
No. TALIPON : ..........................................
TARIKH : ..........................................

..................................
T. Tangan Pemohon

SA-BUAH lagi Sandiwara Radio yang memenangi hadiah penghargaan, peraduan menulis skerip drama Radio, sempena sambutan tahun Hijrah 1400.

Dalam gambar bawah, kelihatan para pelakun sedang mengadakan latehan di-studio B, sa-belum rakaman-nya di-jalankan.

Sandiwara Radio yang di-beri hadiah penghargaan ini bertajok: INI-KAN PULA KAMPONG HALAMAN, karya Awang Osman bin Pehin Tuan Imam, Dato Setia Awang Haji Mohammad Tamin, Dan akan di-siarkan pada hari Ahad, 16hb Disember, 1979 jam 12.00 tengah hari.



AWANG
our gue
BRUNE
Aw
Principal
Sultan a
the prog
will be
8.00 pm



# SAMBUTAN 1400 HENDAK-LAH ADA "FOLLOW UP" – Awg Mahmud

**BANDAR SERI BEGAWAN. — Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Awang Mahmud bin Haji Bakyr, mengharapkan baru2 ini bahawa sambutan2 tahun hijrah 1400 yang berbagai bentok dan chorak ini tidak akan menjadi ristaan sahaja akan tetapi ada-lah penting jika ia-nya di-usahakan atau tindakan berikut-nya (Follow-up), malah momentum yang sudah di-gerakkan itu patut-lah di-kekalkan sa-hingga kita berpuas hati yang objektif2 sambutan itu telah meresap dan sa-bati dalam kehidupaan masharakat kita.**

Awang Mahmud lalu menchadangkan skop kerjasama dalam bidang bahasa, sastera dan budaya yang dapat di-sumbangkan oleh RTB dan DBP, dalam bentok Jawatankuasa itu di-jadikan sa-bagai Jawatankuasa Tetap (Standing Committee) untok membinchangkan usaha2 "follow-up" itu bagi meningkatkan lagi mutu drama radio dan TV yang sesuai dengan semangat gagasan Sambutan Tahun Hijrah 1400.

Beliau menyatakan demikian ketika menyampaikan uchapan-nya di-Majlis Penyampaian Hadiah Peraduan Menulis Skerip Drama Radio/TV Artikel dan Cherita, sempena Sambutan Tahun Hijrah 1400, di-Balai Pameran Dewan Bahasa dan Pustaka, di-sini minggu lalu.

Kata-nya, sempena sukut baik Tahun Hijrah 1400 ini ada baik-nya golongan masharakat penulis, golongan yang di-harapkan itu supaya akan dapat menghayati serta menyemarakkan lagi shi'ar Islam melalui bidang penulisan.

Beliau mengingatkan golongan penulis yang kreatif mahu pun bukan kreatif supaya beringat2 tentang matalamat kegunaan kuasa besar yang terletak di-hujong pena masing2. Kerana menurut-nya lagi, dalam sejarah tamaddun umat manusia, telah terbokti yang masharakat penulis, terutama-nya penulis-pemikir, banyak menyambong ka-arah revolusi mental umat manusia.

Di-negara2 yang sudah establish dan kukoh tradisi-nya dalam bidang penulisan, masharakat penulis samada yang bergiat dalam bidang penulisan, masharakat penulis samada yang bergiat dalam bidang sastera, bahasa, atau disiplin2 ilmu2 yang lain mendapat kedudokan mulia serta di-galati oleh masharakat di-sebabkan oleh pemikiran yang mengalir dari hujong pena mereka itu, tambah-nya lagi.

"Penulis2 ada-lah bermain dengan bahasa, dan di-tangan sa-orang penulis yang berkaliber besar, bahasa dapat di-olah serta di-adun-nya menjadi sa-butir mutiara hikmat sa-bagai penawar kapada segala bentok kejahilan dan kemungkaran, atau dapat di-olah atau di-adun-nya menjadi sa-biji time-bomb yang dapat merosakkan segala yang murni yang telah di-usahakan berkurun2.

"Penulis2 ada-lah berlaboh di-tengah2 lautan umat manusia yang 1001 macham sifat kemanusiaan-nya. Penulis2 yang betul2 berjiwa penulis, tidak akan lemas apabila berada dalam lautan umat manusia itu. Dengan kewibawaan-nya yang tinggi, ia akan menunjol dan merenong jauh kamuka tentang untong nasib bangsa-nya serta bentok manusia yang betul2 sesuai dengan iklim tanah tumpah darah-nya," jelas beliau.

Beliau mensifatkan, oleh kerana penulis itu sifat-nya jujor, terutama-nya kapada diri sendiri, maka chubalah renongkan perkara berikut dengan segala ketajaman pemikiran sa-orang penulis: "Pada pertengahan tahun 1977 terdapat 46.1 peratus pendudok Brunei yang berumor 20 tahun.

"Ini merupakan satu force atau man-power yang besar dan dalam usia yang maseh remaja itu, mereka mudah di-lentor atau di-pengarohi oleh nilai2 kehidupan masa kini.

"Dalam masa 20 dan 40 tahun akan datang mereka ini-lah yang akan menjalani mesin pentadbiran kerajaan, firma2 swasta, ejensi2 perniagaan dan sa-bagai-nya."

Beliau merakamkan penghargaan Jawatankuasa Kechil Bahagian Peraduan Menulis Skerip Drama Radio/TV Artikel dan Cherita, kapada tenaga2 yang telah menjayakan peraduan itu terutama penulis2 yang telah menyertai peraduan, kakitangan RTB dan para artis drama Radio/TV, Penal Hakim dan kakitangan DBP.

Menurut beliau lagi, berkat kerjasama erat serta persafahaman yang telah di-berikan oleh pehak RTB dalam mengungkayahkan keputusan jawatankuasa, maka alhamdulillah, sa-banyak empat buah drama radio dan empat buah drama TV dapat di-siapkan untok di-tayang dan di-siarkan sa-tiap minggu sa-lama sa-bulan sempena sambutan Tahun Hijrah 1400 ini.

Hadiah kapada pemenang2 peraduan tersebut telah di-sampaikan oleh Pengarah Perjawatan Brunei, Dato Setia Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Awang Haji Mohd Taib, sa-laku wakil peribadi Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz.

Majlis di-akhiri dengan bachaan do'a selamat oleh Che'gu Haji Mohd Sa'at bin Abdul Rashid.



**KELIHATAN dalam gambar ini ia-lah Pengarah Perjawatan Brunei, Dato Setia Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Awang Haji Mohd Taib, sa-laku wakil peribadi Setia Usaha Kerajaan Y.B. Pehin O.K. Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz sedang menyampaikan hadiah berupa wang sa-banyak $800.00 kapada Pengiran Aji bin Pg Mohd Tahir, pemenang pertama dalam menulis Skerip Drama TV, ya'ng berjodol "Anak Bertuah".**

## *79 penulis sertai peraduan menulis*

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 79 orang penulis tempatan telah menyertai peraduan menulis skerip drama untok radio dan talivishen dan menulis artikel serta cherita yang di-anjorkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka sempena Sambutan Tahun Hijrah 1400.

Peraduan menulis skerip drama telah mula membuka penyertaan-nya pada awal April hingga akhir Jun manakala menulis artikel dan cherita di-buka sejak awal Mei hingga awal Oktober dengan sa-banyak 48 hasil drama dan 31 buah artikel serta cherita.

Keputusan kedua-dua peraduan telah di-umomkan masing2 pada awal Ogos dan awal Oktober manakala hadiah2 telah di-sampaikan pada Sabtu, 1hb Disember yang baru lalu.

Beberapa penal hakim telah di-lantek bagi menghakimkan peraduan2 berkenaan dan sa-jumlah hampir $6 ribu telah di-untokkan sa-bagai hadiah bagi ke-empat2 peraduan itu.

# RANCHANGAN SAMBUTAN TAHUN HIJRAH 1400

| | | | |
|---|---|---|---|
| 4. | Hari Ahad<br>26hb Muharram 1400<br>(16hb Disember 1979) | **Pagi :** | |
| | | i. Majlis Bimbingan Anak2 Yatim | i. Dewan Sekolah Menengah Arab Lelaki Hassanal Bolkiah, Brunei. |
| | | ii. Kursus Bimbangan Pegawai2 Masjid Daerah Tutong dan Belait | ii. Dewan Masjid Hassanal Bolkiah, Tutong. |
| | | iii. Majlis Penyampaian Hadiah Hasil Kerja Tangan Wanita | iii. Dewan Kemasharakatan Kuala Belait. |
| | | iv. Pelancharan Khemah Kerja Wanita | iv. Kampong Gadong Baru, Temburong. |
| | | v. Majlis Khatam Al-Kor'an Murid2 Sekolah Ugama Pengiran Muda Mohammad Bolkiah | v. Dewan Sekolah Ugama Pengiran Muda Mohammad Bolkiah, Temburong |
| 5. | Hari Isnin<br>27hb Muharram 1400<br>(17hb Disember 1979) | **Pagi :** | |
| | | i. Pelancharan Kempen Menchegah Penyalah gunaan dadah, minuman haram dan perjudian | i. Dewan Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah. |
| | | ii. Pameran Keselamatan dan pertahanan Askar Melayu Diraja Brunei. | ii. Maktab Anthony Abell Seria. |
| | | iii. Kursus Bimbingan Pegawai2 Masjid | iii. Masjid Utama Mohammad Salleh, Temburong. |
| 6. | Hari Selasa<br>28hb Muharram 1400<br>(18hb Disember 1979) | **Pagi :** | |
| | | i. Majlis Khatam Al-Kor'an penuntut2 Sekolah Ugama (Arab) Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit | i. Dewan Sekolah Ugama (Arab) Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit. |
| | | ii. Perhimpunan Umom Sambutan Tahun Hijrah 1400 | ii. Padang Pekan Bangar, Temburong. |
| | | **Malam :** | |
| | | Peraduan berzanji Sekolah2 Menengah, Maktab2 seluroh negeri. | Dewan Sekolah Menengah Melayu Paduka Seri Begawan Sultan, Jalan Muara, Brunei. |
| 7. | Hari Rabu<br>29hb Muharram 1400<br>(19hb Disember 1979) | **Pagi :** | |
| | | i. Kursus Bimbingan Pegawai2 Masjid | i. Dewan Sekolah Menengah Arab Lelaki Hassanal Bolkiah, Batu 1½, Jalan Tutong, Brunei. |
| | | ii. Pameran Keselamatan dan Pertahanan Askar Melayu Diraja Brunei | ii. Padang Pekan Bangar, Temburong. |
| 8. | Hari Khamis<br>30hb Muharram 1400<br>(20hb Disember 1979) | Majlis Penutopan Rasmi Sambutan Tahun Hijrah 1400 (sa-belum Fardhu Maghrib) | Masjid2 seluroh negeri<br>Pemusatan:<br>i. Brunei-Muara: Masjid Omar Ali Saifuddin.<br>ii. Tutong: Masjid Hassanal Bolkiah.<br>iii. Belait: Masjid Muhammad Jamalul Alam.<br>iv. Temburong: Masjid Utama Muhammad Salleh. |



**GAMBAR memperlihatkan sa-bahagian ya'ng hadhir di-Majlis Cheramah dan Kempen Sembahyang Berjemaah (sa-lepas menunaikan Sembahyang Fardhu Maghrib) di-rumah Awang Ibrahim bin Momin, Kampong Mumong, sempena sambutan tahun Hijrah 1400. Kadhi Daerah Belait, Dato Haji Awg Ishak, telah menyampaikan cheramah ugama. Turut hadhir di-majlis itu ia-lah Penghulu Mukim Belait dan Ketua Kampong Kuala Belait. — Gambar kiriman Che'gu Tuah bin OKMD Haji Saman.**

# DI-SEKITAR SAMBUTAN MEMPERINGATI KEDATANGAN TAHUN HIJRAH 1400







DUA
Juma
Daerah B
oleh YAM
Haji Kan
belah kan

Hadh
tua Pegaw
Ratna Dir
bin Haji S
Muara, A
atas).

Kira2
rasmi mas
ngan semb
ngan, Aw












PAMERAN Menchegah Penyalah-g
judian telah di-adakan di-Banda
Pameran tersebut di-anjorkan ole
pena dengan sambutan tahun Hijrah 1
telah di-adakan sa-lama dua hari dan
di-Kuala Belait pada hari Khamis lalu.

Pemangku Penguasa Pulis, YAM
Hamdan bin Pengiran Haji Ismail ket
but antara lain menyatakan bahawa
untok mengingatkan orang2 Islam ten
perjudian itu.

Gambar atas tengah kelihatan Y
Hamdan ketika di-beri penerangan meng
tara gambar atas kelihatan YAM Pen
dan Timbalan Pengetua Pegawai Hal
penerangan mengenai dengan jenis2 pe

Gambar2 atas kiri dan kiri men
dan alat2 menghisap chandu yang di-





...masjid baru telah di-rasmikan pada hari ...itu. Masjid Kampong Tanah Jambu di- ...Muara (paling kiri) telah di-rasmikan ...giran Indera Mahkota Pengiran Muda ...din saperti kelihatan dalam gambar se-

...a di-majlis tersebut termasok-lah Penge- ...al Ehwal Ugama, YB Pehin Orang Kaya ...Dato Seri Utama Awang Haji Mohd Zain ...dan Pemangku Pegawai Daerah Brunei- ...Haji Yahya bin Haji Harris (gambar

...orang telah hadhir di-majlis pembukaan ...tersebut yang juga telah di-selajurkan de- ...ng fardhu Jumaat. Ketua Pegawai Penera- ...Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Oth-man (kiri) telah membacha Khutbah dan seterus-nya menjadi imam sembahyang Jumaat pada hari itu.

Masjid Kampong Sinaut pula telah di-rasmikan oleh YAM Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohammad Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim.

Timbalan Pengetua Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim dan Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Chuchu bin Panglima Asgar Dato Haji Abdullah ada-lah di-antara yang hadhir di-majlis tersebut. Majlis itu juga selajurkan dengan sembahyang fardhu Jumaat.

Pembenaan Masjid Kampong Tanah Jambu menelan belanja kira2 $135,000.00 sementara Masjid Kampong Sinaut menelan belanja kira2 $160,000.00. Kedua2 masjid tersebut di-bena di-bawah ranchangan kemajuan lima tahun kerajaan.





...Dadah, Minuman Keras dan Per- ...Begawan pada minggu lalu. ...sokan Pulis Diraja Brunei bersem- ...Pameran di-Bandar Seri Begawan ...an yang sama juga telah di-adakan ...lu.

...giran Indera Perkasa Pengiran Haji ...bersabda merasmikan pameran terse- ...an pameran itu ada-lah sa-mata2 ...bahaya2 dadah, minuman keras dan

...Pengiran Indera Perkasa Pg Haji ...dengan jenis2 minuman keras semen- ...Setia Jaya Pg Haji Abdul Momin ...Ugama, Awang Haji Yahya di-beri ...an judi.

...kan sa-bahagian dari jenis2 dadah ...kan pada hari itu.



# Majlis sambutan Tahun Hijrah

GADONG. — Kelas Ugama Jabatan Pengangkutan Darat telah mengadakan satu majlis Sambutan Tahun Hijrah 1400 yang telah di-langsongkan di-Jabatan tersebut di-sini pada hari Jumaat 7hb Nobember lalu (gambar2 atas dan kiri).

Majlis pada hari itu telah di-mulakan dengan bachaan Al-Koran oleh Awg. Haji Ibrahim bin Jaafar dan kemudian di-ikuti dengan uchapan oleh pengerusi majlis, Awang Ahmad bin Haji Ibrahim dan uchapan alu2an dari Pemangku Pengawal Pengangkutan Darat, Awang Omar bin Haji Serudin.

Majlis sambutan pada petang itu juga telah di-serikan dengan persembahan zikir oleh pelajar2 kelas ugama sa-bagai mengalu2-kan kedatangan tahun baru Hijrah 1400 dan satu sharahan khas mengenai Hijrah juga telah di-sampaikan oleh Awang Dani bin Ibrahim.



YTM Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pg Muda Haji Sufri Bolkiah ketika berangkat ka-perhimpunan tersebut.

# KETEGOHAN SIKAP DALAM BERUGAMA PERLU BAGI MASHARAKAT ISLAM

KUALA BELAIT.—Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah menegaskan bahawa ketegohan sikap dalam berugama dan mempunyai kekuatan rohani menurut ajaran2 Islam amat perlu dalam sa-buah masharakat Islam.

Kekuatan sa-demikian, sabda Yang Teramat Mulia itu sangat mustahak di-bantu dan di-dukong oleh kekuatan ekonomi supaya masharakat Islam kita akan dapat menemui penyelesai-an2 dalam menghadapi hidup yang serba bergelora ini.

Bersabda di-perhimpunan umom sempena menyambut tahun Hijrah 1400 di-Padang KBRC di-sini pada hari Ahad 2hb Disember, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara menjelaskan bahawa pembangunan yang berjalan sa-iring dalam bidang moral dan ugama serta sosial dan ekonomi dengan izin Allah akan menemui kejayaan.

Untok itu Yang Teramat Mulia itu berseru kapada umat Islam di-negeri ini supaya menyedari akan kewajipan dalam keugamaan di-samping menyedari kewajipan dalam bidang ekonomi menurut ajaran Ugama Islam.

Semua-nya itu tambah Yang Teramat Mulia lagi ia-lah bagi memenohi kehendak2 jasmani dan menjadikan kekuatan di-bidang ekonomi itu sa-bagai pendukong dalam menegakkan kehormatan dan mertabat kita sa-bagai umat Islam.

"Maka, kita ada-lah perlu berusaha dengan giat-nya untok meninggikan imej kita sa-bagai orang2 Islam khas-nya dari segi penyertaan kita yang aktib dan berkesan dalam kegiatan2 ekonomi", sabda Yang Teramat Mulia itu.

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara seterus-nya mengajak umat Islam supaya saat merayakan kedatangan awal tahun Hijrah itu akan di-jadikan sa-bagai penguat azam dan menegohkan chita2 untok mengubah dan memperbaiki sikap hidup dalam berugama.

"Kita sa-bagai umat Islam, ada-lah menjadi kewajipan untok mendekatkan diri kapada Allah dan untok terus mengukohkan iman terhadap Allah serta untok terus menguatkan pegangan hidup kapada ajaran2 Ugama Islam di-samping mendampingkan diri kapada masjid dan perhimpunan2 yang berchorak keugamaan dan meninggalkan larangan2 Allah", sabda Yang Teramat Mulia itu mengingatkan.

## Tutong pileh wakil

PEKAN TUTONG. — Satu peraduan nashid bagi sekolah2 rendah di-Daerah Tutong telah di-langsongkan hari Rabu lalu di-Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Norain.

Sa-banyak 12 buah pasokan telah menyertai peraduan tersebut yang di-anjorkan sempena sambutan tahun Hijrah 1400.

Pemenang pertama Bahagian Lelaki di-menangi oleh Sekolah Melayu d·r Persediaan Battalion Kedua, manakala Bahagian perempuan di-menangi oleh Sekolah Melayu Kiudang.

Kedua2 buah pasokan tersebut akan mewakili Daerah Tutong ka-peraduan nashid peringkat negeri yang akan di-adakan kemudian.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Kadzi Daerah Tutong, Awang Haji Bolhassan bin Haji Mohammad Jair.

## Pameran P'tahanan sambut Hijrah

TERBUKA untok kunjongan orang ramai di-kesemua daerah negeri ini. Amat berguna untok pengetahuan dan pengalaman bagi belia2 yang maseh dalam menchari pekerjaan. Kerjaya tentera boleh membantu awda untok mengetahui akan kelengkapan2 dan segala peralatan yang bersangkutan dalam pasokan berkenaan.

Oleh yang demikian kunjongi-lah pameran ini yang terbuka mulai jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang pada hari2 berikut :

**13hb Disember, 1979** — Pameran di-dewan dan padang Sekolah Menengah Melayu SMJA, Bandar Seri Begawan.

**15hb Disember, 1979** — Pameran di-dewan dan padang Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah, Tutong.

**17hb Disember, 1979**: Di-dewan dan padang Maktab Anthony Abell, Seria.

**19hb Disember, 1979**: Di-dewan dan padang Pejabat Daerah Temburong.

## Hidup dalam dunia moden penoh dengan chabaran

PEKAN TUTONG. — Speaker Majlis Mashuarat, Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Omar menjelaskan bahawa kita hidup dalam dunia moden dewasa ini penoh dengan pengaroh2 dan anasir2 serta chabaran2 yang boleh merosakan keimanan kita kapada Allah, merosakan peribadi kita sa-bagai umat Islam dan boleh memechahbelahkan perpaduan kita sa-bagai pengikut Nabi Muhammad s.a.w.

Akan tetapi, sabda Yang Amat Mulia, segala pengaroh2, anasir2 dan juga chabaran2 itu boleh kita lawan dan atasi dengan sharat kita mesti-lah mempunyai kubu yang tegoh ia-itu ketegohan iman kita kapada Allah, kekukohan berpegang kapada surohan2 Allah dan kekuatan diri kita dalam mengekang nafsu daripada terjerumus ka-lembah larangan2 Allah.

Di-samping itu sabda Yang Amat Mulia itu lagi, kita juga perlu terus berusaha pada memelihara perpaduan kita sa-bagai umat Islam yang mempunyai nilai2 dan kehormatan serta martabat yang tinggi sabagaimana yang di-ajarkan oleh Ugama Islam.

Bersabda di-Majlis Perhimpunan Umom Sempena Sambutan Tahun Hijrah 1400 bagi Daerah Tutong yang di-adakan di-Padang Sekolah Melayu Muda Hashim di-sini pada hari Ahad lalu, Yang Amat Mulia Pengiran Speaker seterusnya menjelaskan bahawa kita juga perlu menyedari tentang perlumbaan yang wujud di-dunia sekarang yang mana tidak menasabah bagi kita untok membiarkan orang lain berlumba2 dalam meninggikan taraf ekonomi mereka sedangkan kita Umat Islam hidup dalam keadaan yang rendah taraf-nya dan jauh tertinggal di-belakang di-bidang tersebut.

Maka sa-bagai satu masharakat yang mempunyai kehormatan yang tinggi ada-lah perlu bagi kita berusaha dan berlumba2 dalam bidang ekonomi itu bagi memperbaiki taraf kehidupan kita kerana Allah s.w.t. tidak melarang umat-nya untok berusaha di-bidang itu dan juga Ugama Islam tidak melarang kita menchari harta di-dunia ini, sabda Yang Amat Mulia.

"Hanya Ugama Islam menentukan batas2-nya dengan hukum yang halal dan haram, hidup ini ada-lah ingin menchari dan menchapai keredhaan Allah, sedangkan keredhaan Allah itu ia-lah dalam perkara yang halal dan kemurkaan-Nya itu dalam perkara yang haram", sabda Yang Amat Mulia selanjut-nya.

Yang Amat Mulia Pengiran Speaker menambah sabda, apabila kita sudah berjaya menchapai di-bidang ekonomi dan mengumpolkan harta benda kita perlu pula mengeluarkan zakat ia-itu salah satu rukun Islam yang mana dengan berbuat demikian kita akan mendapat pahala dari keredhaan Allah s.w.t.

Akhir-nya Yang Amat Mulia telah menyeru kapada umat Islam di-negeri ini untok terus berusaha dalam kedua bidang ia-itu pertama bidang keugamaan dan kedua menguatkan diri dan masharakat kita dalam bidang ekonomi menurut ajaran2 Ugama Islam.

Di-samping itu, sabda Yang Amat Mulia lagi kita juga mesti mempertegoh azam kita untok menegakkan shi'ar Islam dengan kekuatan iman yang di-dukong oleh kekuatan ekonomi umat Islam itu sendiri.

## Pameran pakaian wanita Islam

PEKAN TUTONG. — Satu pameran pakaian2 wanita Islam dan hasil kerjatangan telah di-adakan di-Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim pada Khamis lalu.

Pameran sa-lama dua hari itu di-anjorkan bersama oleh Pertubohan Perkumpolan Perempuan Brunei dan Pertiwi bersempena menyambut tahun Hijrah 1400. Pameran tersebut telah di-rasmikan oleh Dayang Hajjah Fatimah binte Haji Abdul Rahim.

Pameran yang sama juga telah di-adakan di-Pekan Bangar, Pameran yang serupa juga akan di-adakan di-Dewan Kemasharakatan Kuala Belait pada 16hb Disember ini.





YANG Amat Mulia Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar ketika melafadzkan sabda di-perhimpunan di-Pekan Tutong (atas kiri) sementara gambar kanan pula kelihatan Yang Amat Mulia ketika di-perkenalkan kapada pasokan2 yang menyertai perhimpunan tersebut.



## ggu ini

BAHAGIAN Melayu Radio Brunei telah membuat liputan sa-chara langsong Temasha Sokan BAAA yang telah di-adakan di-Arena Sokan Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim Tutong pada hari Sabtu dan Ahad minggu lalu.

Gambar2 atas dan bawah menunjokkan juru2 ulas kelihatan menjalankan tugas untok memberikan laporan di-kedua2 hari tersebut.



FORMING the panel on this week's guessing game programme, Two Away For No, with Pg Asmalee Pg Ahmad as the chairman, are Dick Pettit and wife, Birte, and Julaihi Abdullah and wife, Azrah. This programme will be broadcast this Sunday 16th December at 1.00 pm, and repeated on Tuesday, 18th December at 9.30 pm.



JI WAHAB BIN JUNED will be this week's programme featuring ADUATES.

aji Wahab is now the Deputy Maktab Paduka Seri Begawan kolah Science, and he will be tomorrow at 12.45 pm and it ed on Sunday 16th December at



# "MALAM ANEKARIA" untok membantu Tabong Anak2 Yatim

TRACY Huang bintang piring hitam E.M.I. yang popular dari Taiwan, sedang berada di-sini untok sama2 menyertai "Malam Anekaria" yang pertama bagi RTB pada hari Juma'at ini jam 7.30 malam di-Dewan Raya.

Tracy akan mempersembahkan lagu2 dari albumnya yang terbaharu, "ANOTHER GOODBYE", saperti lagu2 "TALK TO ME" dan "DANCING ROUND AND ROUND". Kanak2 Brunei, lelaki dan perempuan, akan menyanyi bersama-nya dalam pertunjokan ini. Tracy gemar pada kanak2 dan tahun ini pula merupakan Tahun Kanak2, tentu-lah sesuai sekali di-adakan persembahan "MALAM ANEKARIA" sa-bagai penutop bagi tahun 1979 untok membantu Tabong Anak2 Yatim Brunei. Ranchangan ini ditaja oleh Klasse Department Store. Bersama2 Tracy ia-lah sa-ramai 40 orang kanak2 yang di-pileh dari lebeh lima ratus permohonan bagi BENGKEL KANAK2 RTB.

BENGKEL KANAK2 RTB di-usahakan oleh Penerbit Royston Goh, siapa sa-lama lebeh dari tiga bulan yang lalu telah melateh kanak2 ini menyanyi, menari, menjadi juruachara dan berlakun. Menurut-nya, "Adalah sukar bagi saya untok memberi tunjok ajar chara2 menari, saya amat terhutang budi kapada guru pelateh-nya yang juga mengajar tata-tertib kapada 40 pada orang kanak2 yang nakal. Yang payah sekali ia-lah kanak2 perempuan.

Mereka menghadhiri kelas2 sa-tiap penghujong minggu. Memang-lah sukar untok menjadi ibu-bapa dan juga guru mereka di-waktu yang sama. Seringkali saya pulang karumah dengan lelah sekali. Saya tertunggu2 untok menyaksikan pertunjokan ini; kanak2 tempatan akan memperlihatkan persembahan yang baik, dan para ibubapa turut merasa bangga apabila mereka menyaksikan hasil2 usaha sa-lama tiga bulan mereka menyertai bengkel ini. Kanak2 ini merasa gembira apabila mendapat khabar bahawa bintang pujaan mereka TRACY HUANG akan menyanyi dalam pertunjokan ini bersama2 mereka. 'Persembahan ini merupakan achara kemunchak kursus dalam bengkel ini. Dari 40 orang kanak2, hanya sa-bilangan kechil yang akan kekal di-bengkel ini dan kanak2 lain akan di-atorkan untok mengambil bahagian dalam ranchangan2 lain di-RTB. Pemilehan bagi Bengkel Kanak2 Tahun 1980 akan di-buat pada bulan Februari. Agak mengharukan juga kerana ada diantara kanak2 ini akan meninggalkan bengkel ini tetapi tujuan utama kami ia-lah untok memberi peluang kapada kanak2 lain yang berbakat di-Brunei dan dengan itu menyaksikan wajah2 baru di-talivishen. Mereka yang berjaya dalam kursus pertama ini masing2 akan menerima Certificate of Merit.

"MALAM ANEKARIA" dengan Tracy sa-bagai bintang undangan khas, di-harap akan menchapai kejayaan yang besar. Hanya tinggal sedikit sahaja tiket yang ada di-jual sekarang di-KLASSE DEPARTMENT STORE yang baru di-buka.



Tracy Huang yang akan menjayakan Malam Anekaria RTB.



## "Whatever Happened to Aunt Alice?"

### — tajok tayangan gambar malam minggu

SA-BUAH drama saspens dengan pelakun2 utama-nya Geraldine Page sa-bagai Mrs Marrable dan Ruth Gordon sa-bagai Mrs Dimmock.

Claire Marrable sa-orang janda, mempunyai masaalah dengan orang2 gajian-nya, lima di-antara mereka telah menghilang. Mrs. Dimmock bekerja dengan-nya untok mengetahui apakah yang terjadi kapada teman baik-nya, Miss Tinsley.

Mrs. Dimmock mengeshaki bahawa Mrs Marrable telah membunoh orang2 gajian-nya sa-lepas mengambil wang2 simpanan mereka.

Untok mengetahui kesah selanjut-nya, sama2-lah kita saksikan tayangan-nya nanti.

**Gambar kiri menunjokkan salah satu adigan2 dari "Whatever Happened to Aunt Alice?" pada hari Sabtu jam 10.45 malam.**

# Susunan ranchangan MINGGUAN RADIO

## RABU

PAGI: Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05 — Pimpinan illahi; 7.10 — Dendang suria; 8.00 — Majallah sain dan perusahaan (SU); 8.30 — Chitra irama; 9.00 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Cherpen dan salokan-nya; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Hiboran selingan; 10.30 — Ruangan muda mudi; 11.00 — Hiboran; 11.30 — Autograph pendengar. T/HARI: 12.00 — Ku sampaikan salam — Azan dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Tahu kah awda ?; 1.30 — Sekitar masharakat (SU). PETANG: 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.02 — Hiboran/Liputan Express; 5.30 —Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45—Irama di-senja; 6.00—Tafsir Al-Koran (SU)—Azan fardhu magrib dan bachaan ayat2 suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. MALAM: 7.00 — Permintaan parajurit — Azan fardhu isha; 7.30 — Sekolah ka-sekolah (SU); 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 — Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Mengenang zaman silam; 9.00 — Terima-lah sampul surat/Dari bengkel penulis; 9.30 — Usaha jaya; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 — Pimpinan illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## KHAMIS

PAGI: Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05 — Pimpinan illahi; 7.10 — Dendang suria; 8.15 — Rampaian London (SU); 8.30 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Varia Peristewa (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15—Hiboran selingan; 10.30—Teman mekar (SU); 11.00—Usaha Jaya (SU); 11.30— Dari Kampong ka-kampong. T/HARI: 12.00 — Selingkar madah — Azan fardhu dzohor; 12.15 — Hiboran rampaian tengah hari; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Kisah dan tauladan; 1.30 — Tunas harapan. PETANG: 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.03 — Hiboran/Liputan Express; 5.30 —Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45—Siri mukkadam; 6.00—Mari berzikir—Azan fardhu magrib, di-ikuti dengan bachaan ayat2 suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. MALAM: 7.00 — Hidayat — Azan fardhu isha; 7.30 — Permainan gambus; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Mari berpantun (SU); 9.00 — Sandiwara radio; 9.30 — Tahukah awda? (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 — Pimpinan illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## JUMAAT

PAGI: Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05 — Pimpinan illahi; 7.10 — Dendang suria; 7.45 — Siri mukkadam (SU); 8.00 — Pertanian dan perikanan; 8.30 — Pelajaran dewasa di-udara; 9.00 — Apa pilehan awda; 9.30 — Tafsir Al-Koran; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.10 — Apa pendapat awda; 10.30 — Kursus Al-Koran; 11.00 — Peristewa Dalam Sa-minggu; 11.30 — Tunas Pendidek. T/HARI: 12.00 — Permainan gambus; 12.30 — Menunaikan sembahyang fardhu Jumaat siaran langsong dari Masjid Omar Ali Saifuddin; 1.15 — Irama padang pasir; 1.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.45 — Selingan irama. PETANG: 2.00 — Untok Belia; 2.30 — Suara dari bintang2; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.10 — Soalan di-udara; 3.30 — Mutika 79 — Azan untok fardhu asar; 4.00 — Suara dari pusat tingkatan enam; 4.30 — Di-bumi bertuah; 5.00—Hiboran/Liputan Express; 5.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Suntingan Khutbah Jumaat; 6.00—Irama lagu asli—Azan untok fardhu magrib, di-ikuti dengan bachaan ayat2 suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. MALAM: 7.00 — Cherpen dan Salokan-nya — Azan fardhu isha; 7.30 — Brunei Graduates; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 — Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Kisah dan tauladan (SU); 9.00 — Autograph pendengar; 9.30 — Chitrawara; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 — Pimpinan illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.



MENGISIKAN ranchangan 'Apa Pilehan Awda' minggu ini ia-lah Dayang Nasib binte Lamit, No. 26A Kampong Beribi, Batu 5 Jalan Gadong Brunei (gambar atas).

Ranchangan tersebut akan di-siarkan pada hari Jumaat 14hb Disember jam 9.00 pagi. Dalam ranchangan sa-tengah jam itu, Dayang Nasib akan memileh tujoh buah lagu kegemaran-nya.

## SABTU

PAGI: Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05 — Pimpinan illahi; 7.10 — Dendang suria; 8.00 — Apa pendapat awda (SU); 8.15 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Chitrawara (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.10 — Selingan irama; 10.30 — Panorama radio (SU); 11.00 — Majallah shell (SU); 11.30 — Suara dari bintang2 (SU). T/HARI: 12.00 — Ku sampaikan salam — Azan fardhu dzohor; 12.30 — Hiboran rampaian tengah hari; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00—Brunei Graduates (SU); 1.30— Ruangan Bertutoran. PETANG: 2.00 — Kuliah pendidekan sastera; 2.30 — Lagu hiboran; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.15 —Bahas/kuiz ka-sekolah2; 3.45 — Permintaan kaum wanita; 4.30 — Majallah Commonwealth; 5.03 — Hiboran/Liputan Express; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 —Buloh perindu—Azan magrib, di-ikuti dengan bachaan ayat2 suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. MALAM: 7.00 — Chitra irama (SU) — Azan isha; 7.30 — Tunas harapan (SU); 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 — Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Selingkar madah (SU); 9.00 — Bertuturan; 9.30 — Suara pusat tingkatan enam (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 — Pimpinan illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## AHAD

PAGI: Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05 — Pimpinan illahi; 7.10 — Dendang suria; 8.00 — Mastika radio; 8.30 — Dunia wanita; 9.00 — Keluarga si-awang; 9.30 — Taman mekar; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Surat dari London; 10.30— Hello Siapa di-sana; 11.00 — Bengkel penulis/Terima sampul surat; 11.30 — Sekolah ka-sekolah. T/HARI: 12.00— Sandiwara radio; 12.15 — Azan fardhu dzohor; 12.30 — Rampaian tengah hari; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Pesta ria/Persembahan pancharagam; 1.45 — Ruangan ketani. PETANG: 2.15 — Suara Pulis Diraja; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.10— Mari Berpantun—Azan asar; 3.46—Mengenang Zaman Silam; 4.00—Arena Sokan; 4.30—Majallah shell; 5.02 — Hiboran/Liputan Express; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45— Komintar radio; 6.00—Buloh perindu (SU)— Azan magrib, di-ikuti dengan bachaan ayat2 suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. MALAM: 7.00—Suara parajurit—Azan isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15— Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Sekitar masharakat; 9.00 — Keluarga jaya; 9.30 — Mari berzikir (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05 — Pimpinan illahi 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## ISNIN

PAGI: Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05 — Pimpinan illahi; 7.10 — Dendang suria; 8.00 — Peristewa dunia minggu ini; 8.30 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Sain dan perusahaan; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Berdendang dengan ku; 10.30 — Suara parajurit (SU); 11.30 — Dari jiran tetangga. T/HARI: 12.00 — Komintar radio (SU) — Azan dzohor; 12.30 — Hiboran rampaian; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Keluarga jaya (SU); 1.30 — Dendang asli. PETANG: 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.03 — Hiboran/Liputan Express; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45—Irama di-senja—Azan magrib di-ikuti dengan bachaan ayat2 suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. MALAM: 7.00 — Arena sokan (SU) — Azan isha; 7.30 — Keluarga si-awang (SU); 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 — Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Tamu minggu ini; 9.00 — Pertanian dan perikanan (SU); 9.30 — Seminggu dalam kenangan; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 — Pimpinan illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## SELASA

PAGI: Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05 — Pimpinan illahi; 7.10 — Dendang suria; 8.00 — Dunia wanita (SU); 8.30 — Varia pesta; 8.45 — Dendang antarabangsa; 9.45 — Rampaian London; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05 — Senandong ria; 10.30 — Sa-minggu dalam kenangan (SU); 11.00 — Mastika radio (SU); 11.30 — Pop Science music. T/HARI: 12.00 — Ku sampaikan salam — Azan fardhu dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Tamu minggu ini; 1.30 — Pelajaran dewasa di-udara (SU). PETANG: 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.02—Hiboran/Liputan Express; 5.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Persembahan anika instrumental — Azan fardhu magrib, di-ikuti dengan bachaan ayat2 suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. MALAM: 7.00 — Ruangan ketani (SU) — Azan untok fardhu isha; 7.30 — Salam dari ku; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 — Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Lambaran Dalam Sa-minggu; 9.00 — Chator (SU); 9.15 — Di-bumi bertuah (SU); 9.45 — Senandong Asli; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 — Pimpinan illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

# RANCHANGAN RADIO BAHAGIAN INGGERIS

## WEDNESDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Lunch Music. NOON: 12.00—Hits In Germany. PM: 12.30—News; 12.45 — International Money Programme; 1.00 — Brunei's Top Seven by Sheikh Abbas; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — What's Wrong With Me Doctor ? (repeat); 8.15 Midweek Greetings by Jaafar Yaakub; 8.45 — Dateline; 9.15 — News; 9.30—Shape of the Future (repeat); 9.45 —'Paul Desmon Entertains; 10.00 — Close Down.

## THURSDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Thursday's Bandwagon . . . 11.45 — World of Education. NOON: 12.00 — My Music. PM: 12.30 — News; 12.45 — Brunei Graduate produced by Viviyanti Ali; 1.15 — In Search of the Curious by Jan Ong produced by Veronica Shim; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Theatre Forty-Five "The Collection" by Harold Pinter; 8.45 — Those were the days — by Jaafar Yaakob; 9.15 — News; 9.30 — Popular Classics — Programme 7; Symphonies (Romantic) Part 4 by Hajjah Zainah; 10.00 — Close Down.

## FRIDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Rock Line; 11.15 — Inter School Debates produced by Tajul Ahmad; 11.45 — Light Music From The Netherlands; PM: 12.30 — News; 12.45 — My Word; 1.15 — The Practical World; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Inter-School Debates (repeat); 8.30 — Calling On You presented by Sheikh Abbas; 9.15 — News; 9.30 — Dr Finlay's Casebook; 10.00 — Close Down.

## SATURDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — A Hundred Years of Dance Music Programme 12: Kaleidoscope of the Sixties; 11.30 — International Call. NOON: 12.00 — Many A Slip. PM: 12.30 — News; 12.45 — BBC World Report; 1.00 — Just for Variety produced by Sheikh Abbas; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Saturday Mail Bag presented by Charan Chand; 9.00 — Book Club — Five Round about to heaven by John Bingham episode 5/10; 9.15 — News; 9.30 — Top of The Pops; 10.00 — Close Down.

## SUNDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Children's Half Hour by Veronica Shim; 11.30 — Top of the Pops (repeat). PM: 12.30 — News; 12.45 — What's Wrong With Me Doctor ? by Bob Kay; 1.00 — "Two Away For No" by Nafisah Haji Ali; 1.30—Close Down. 8.00—Opening Announcement—Brunei Graduate (repeat); 8.30 — Perspective; 8.45 — The Young Sound by Tajul Ahmad; 9.15 — News; 9.30 — Sunday Night Special with Ideris Ali; 10.00 — Close Down.

## MONDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Hellow Tomorrow; 11.30 — Music-Go-Round. NOON: 12.00—Dr In the House. PM: 12.30 — News; 12.45 — Science Potpourri produced by Charan Chand; 1.15 — H.M.S. Pinafore by Gilbert and Sullivan presented by Krishan Jalie; 1.30 — Close Down. 8.00—Opening Announcement—World of Books; 8.30 — Monday's Night Mail presented by Veronica Shim; 9.00 — Light Music from Netherlands; 9.15 — News; 9.30 — John Fox presents; 10.00 — Close Down.

## TUESDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — BBC Sports Magazines; 11.15 — Housewives' Special; 11.45 — Just A Minute; 12.15 — Shapes of the Future by Viviyanti Ali. PM: 12.30 — News; 12.45 — Behind the News by Jaafar Yaakob; 1.15 — Great Instrument Hits Side 1; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement—Stereo Pop Special "Meat Loaf" Side 2; 8.30 — Radioscope (repeat); 9.00 — Your World; 9.15 — News; 9.30 — "Two Away For No" (repeat); 10.00 — Close Down.

# PERTUNJOKAN PERTANIAN DAERAH TUTONG

KERIAM. — Pertunjokan Pertanian Daerah Tutong kali yang ke-8, telah berlangsong di-Sekolah Melayu Keriam, pada hari Ahad, 25hb Nobember, 1979.

Pertunjokan tersebut yang berthema — MELIPAT GANDAKAN USAHA BERTANI DAN BERTERNAK UNTOK KEMAKMORAN NEGARA, telah di-rasmikan oleh Yang Amat Mulia, Pengiran Setia Negara Pg Haji Mohd Yusof bin Pg Haji Abd Rahim, bekas Menteri Besar Brunei.

Dalam uchapan-nya sajurus sa-belum merasmikan pertunjokan Yang Amat Mulia itu antara lain, telah merenong kembali kesangsaraan yang telah di-rasai oleh para pendudok di-negeri ini di-zaman Perang Dunia Kedua dulu akibat pemotongan perbekalan barang2 makanan yang sabahagian besar-nya di-datangkan dari luar negeri.

Yang Amat Mulia, berpendapat bahawa pengalaman pahit yang berlaku kira2 empat puloh tahun dahulu itu tidak mustahil berulang lagi memandang kapada keadaan suasana perhubongan2 antarabangsa yang kurang menyenangkan ketika ini, khas-nya di-rantau ini.

Maka dengan itu Yang Amat Mulia menyeru agar pengalaman itu akan menjadi ingatan dan mendurong para pendudok di-negeri ini untok memperluaskan perusahaan2 hasil bumi mereka.

Berhubong dengan kemerdekaan yang akan di-chapai oleh negeri ini dalam masa empat tahun lagi, Yang Amat Mulia juga telah mengingatkan pendudok di-negeri ini, khas-nya masharakat2 tani, supaya menyedari tentang hakikat kemerdekaan tersebut dan menyedari tanggong-jawab mereka terhadap-nya.

Mereka mesti-lah sanggup memelihara dan mengisi kemerdekaan tersebut dan jangan hanya menerima perkataan-nya dan meraikan-nya sahaja.

Dalam uchapan alu-aluan-nya kapada majlis, Pengerusi Pertunjokan, Awg Salleh bin Omar telah membentangkan tujuan2 utama pertunjokan pada hari itu ia-lah untok menggalakkan lagi para petani supaya lebeh berusaha dan membaiki mutu hasil usaha mereka di-samping memberi peluang kapada para petani untok mempelajari sa-suatu yang berguna dari pegawai2 pertanian yang bertugas atau yang ada pada hari itu dan juga dari para petani lain yang lebeh maju.

Awang Salleh juga merayu kapada para petani supaya melipat-gandakan usaha mereka untok kemakmoran negara dan jangan bergantong sa-panjang masa kapada pendatang2 luar yang berusaha dalam negeri ini untok mendapatkan hasil2 permakanan saperti sayor-sayoran.

Turut juga beruchap ia-lah Pengarah Pertanian. Dato Awang Abdul Hamid bin Jaafar dengan berkata bahawa tidak banyak dari pelawat2 ka-pertunjokan pertanian terdiri dari para petani.

Bagaimanapun sa-bahagian besar dari petani yang menghadhiri pertunjokan2 sa-umpama itu pula tidak menyedari atau mengambil indah akan hakikat2 pertunjokan2 tersebut.

Mengikut Dato Awang Abdul Hamid mereka datang untok menyaksikan pertunjokan2 tanpa tujuan2 tertentu, mereka sa-harus-nya menggunakan temasha2 tersebut untok menchari jalan bagi mengatasi masaalah2 ladang mereka melalui perbinchangan2 dengan pegawai2 pertanian yang bertugas dan menyaksikan sa-chara mendalam pameran2 jabatan yang di-sediakan.

Memandang kapada keadaan tersebut, Jabatan Pertanian, kata Dato Awg Abdul Hamid, akan mengkaji sa-mula kedudokan pertunjokan yang akan datang, agar peruntokan yang di-sediakan pada tiap2 tahun itu akan mendatangkan faedah yang sebenar-nya kapada masharakat tani di-negeri ini.

Hadiah2 pada hari itu telah di-sampaikan oleh wakil Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Adnan bin Haji Hanafiah.

Terdahulu dari itu Awang Adanan dalam uchapan-nya telah berkata bahawa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ingin raayat dan pendudok-nya menchapai kejayaan yang chemerlang dalam bidang pertanian untok menampong sa-bahagian besar bebanan Kerajaan yang pada tiap2 tahun terpaksa berbelanja berjuta-juta ringgit untok mengimpot keperluan makanan dan lain2 hasil pertanian dari luar negeri bagi menampong keperluan pendudok negeri ini.

Beliau juga menyeru supaya di-perbanyakkan aktibiti2 dalam beberapa bidang saperti berchuchok tanam, berternak dan lain2 usaha pertanian, sabagai persediaan mengatasi sekatan2 yang akan timbul nanti dalam usaha para pendudok untok mendapatkan pekerjaan di-jabatan Kerajaan dan sharikat2 perniagaan.



YANG Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohd Yusof bin Pg Haji Abdul Rahim (dua dari kanan) dengan di-iringi oleh Pengarah Pertanian dan pengerusi pertunjokan menyaksikan sa-bahagian dari hasil2 ladang yang di-pamerkan.



AWANG Adnan bin Haji Hanafiah, wakil Pemangku Pegawai Daerah Tutong menyampaikan hadiah istemewa kapada salah sa-orang pemenang di-pertunjokan itu.

## Perosak2 menjejaskan Ranchangan Kemajuan Perikanan

KEROSAKAN2 dan kechurian2 ka-atas kerang2 yang sedang di-gunakan dalam penyiasatan dan penchubaan penghidupan dan pembiakan berdekatan dengan Tambatan Steshen Perikanan Muara telah sakali lagi menjejaskan ranchangan kemajuan Jabatan Perikanan. Tujuan utama penyiasatan2 ini ada-lah untok memperkenalkan dan memajukan serta menggalakan aspek2 ternakan kerang2an (tiram, kupang palat) dan ikan kapada masharakat2 peladang dan nelayan di-negeri ini.

Semenjak penyiasatan penghidupan kerang2an ini di-lakukan dua tahun yang lalu, kerosakan2 yang berterus-terusan telah memaksa dan menghadkan Jabatan Perikanan untok menjalankan penyiasatan2 yang sedemikian berhampiran dengan Steshen Perikanan Muara sahaja. Dengan chara ini Jabatan Perikanan berfikir perosak2 itu dapat di-hindarkan, tetapi sekarang ternyata di-tempat ini pun perosak2 itu maseh berani merosak dan menchuri kerang2 itu.

Kupang2 dalam penyiasatan2 ini telah dengan bersusah payah di-datangkan dari Singapura dengan tujuan untok menjadi indong bagi pembiakan2 yang seterus-nya. Kupang2 itu diternak dengan mengunakan sistem bergantong di-tali2 yang di-gantongkan di-sebuah rakit yang di-bena khas berdekatan dengan Tambatan Steshen Perikanan Muara. Penghidupan kupang2 itu sangat2 menggalakan dan telah nyata yang mereka akan dapat membiak tidak begitu lama lagi. Akan tetapi malang-nya dua minggu yang lalu semua tali2 dan kupang2 itu telah habis di-potong dan di-churi oleh orang2 yang tidak bertanggong-jawab.

Kejadian2 ini, menurut sa-orang juruchakap Jabatan Perikanan, ada-lah sangat2 tidak bertanggong-jawab dan amat-lah di-kesali kerana ini bererti semua kerja2 yang telah di-jalankan begitu lama dan bersusah-payah menjadi sia2 dan lebeh penting-nya perosak2 dan penchuri2 ini ada-lah menjadi penghalang besar bagi ranchangan2 kemajuan ternakan dan pembiakan kerang2an dan ikan.

Pada tahun lepas, kotak2 dawai yang di-buat khas untok penternakan dan pembiakan tiram2 yang di-lakukan berdekatan dengan Pulau Muara Besar juga telah di-binasakan oleh perosak2 yang tidak bertanggong-jawab. Dawai kotak2 itu di-tarek dan di-ambil yang menyebabkan semua tiram2 itu terjatoh ka-dalam ayer dan berselerak di-tanah. Semua perbuatan ini juga telah mensia-siakan usaha2 Jabatan Perikanan dan penyiasatan2 itu tidak dapat di-teruskan sa-hingga pembiakan saperti apa yang di-harapkan. Ada-lah tidak menasabah jika maksud perosak2 ini semata-mata hanya untok mengambil dawai2 itu —, bera-pa-lah harga dawai2 itu jika di-bandingkan dengan kesusah-payahan kerja2 penyiastan dan pembiakan yang telah di-jalankan begitu lama di-sia-siakan begitu saja.

Tapak penyiasatan pada masa ini yang berhampiran dengan Steshen Perikanan Muara memang-lah boleh di-perhatikan dan di-jaga pada siang hari, tetapi pada malam hari, walaupun Steshen Perikanan itu tetap terkawal, ada-lah jelas yang tempat penyiasatan itu mudah saja untok di-datangi dan di-rosakkan atau di-churi.

Perosakan2 dan penchurian2 yang begini jika berterusan ada-lah amat mengechewakan dan menghampakan. Segala daya usaha pegawai2 perikanan yang giat menjalankan penyiasatan2 yang semata-mata bermaksud untok menolong menambahkan hasil2 perikanan demi untok faedah negeri ini akan menjadi sia2 sahaja. Apa yang dapat pegawai2 jabatan ini harapkan hanya-lah kerjasama dan rasa bertanggong-jawab dari orang ramai demi untok kemajuan dan kepentingan bersama, tetapi malang-nya kerana perbuatan sa-bilangan kechil orang2 yang tidak bertanggong-jawab dan mementingkan diri sendiri pekerjaan begini menjadi terhalang dan terjejas.





GAMBAR kiri menunjokkan kupang2 yang baru di-ikatkan di-tali2 yang kemudian-nya di-gantong di-rakit yang khas untok ternakan-nya dan seterus-nya pembiakan, sementara gambar kanan pula menunjokkan apa yang tinggal sa-telah kupang2 yang telah pun besar dan akan mula membiak tidak lama lagi telah di-potong dan di-churi oleh perosak2 yang tidak bertanggong-jawab dan mementingkan diri sendiri itu.

## Kursus Kepimpinan Pengakap

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Pengakap Daerah Brunei dan Muara akan mengadakan satu kursus Kepimpinan Pengakap Venture bagi pengakap Daerah Brunei dan Muara kali yang ketiga yang akan di-adakan di-Perkhemahan Pengakap, Batu 4 Jalan Gadong dan akan bermula pada 13hb Disember (esok) dan berakhir pada 16hb Disember.

Kursus yang akan di-adakan sa-lama tiga hari itu di-jangka akan di-ikuti oleh pengakap lelaki dan perempuan daerah ini yang berumor antara 16 hingga 21 tahun.

Tujuan di-adakan kursus itu ia-lah untok membahagikan latehan2 kelayakan pengakap untok menerima anugerah Lenchana Venture.

Di-samping itu kursus ini juga ada-lah bertujuan sabagai langkah pertama untok mereka mengenal tanggong-jawab dalam kepimpinan sa-belum mereka di-lantek menjadi penolong pemimpin dan pemimpin yang baik dan berkesan serta bertanggong-jawab.

Antara kursus2 yang akan di-jalankan termasok-lah kepimpinan dalam kehidupan unit, sekim lenchana keahlian dan pengorniaan venture, chara2 menjalankan unggun api, kepimpinan dalam perkhidmatan kepandaian dan lain-lain lagi kursus yang bersangkut-paut dengan kepimpinan pengakap venture.

# 1 REKOD BARU DI-CHIPTA DI-TEMASHA SOKAN BAAA

TUTONG. — Satu lagi rekod baru di-chipta atau di-pechahkan oleh olahragawati, Dayang Habibah binte Abdul Ghani dalam lari 100 meter, dengan menchatitkan masa 13 sa'at sementara rekod lama 13.3 sa'at.

Sa-ramai 200 peserta terdiri dari olahragawan dan olahragawati di-negeri ini telah mengambil bahagian dalam temasha sokan tahunan BAAA tahun ini, yang mana angka ini merupakan bilangan terbesar pernah mengambil bahagian di-temasha sokan BAAA.

Peserta terbaik lelaki ia-lah Awang Azahari Abu Bakar, dari Daerah Brunei/Muara yang mendapat tiga hadiah pertama: 400 meter lompat pagar, 1500 meter dan 800 meter. Sementara peserta wanita terbaik ia-lah Dayang Chen Yuen Kim, dari Daerah Belait dengan mendapat tiga tempat pertama 1500 meter, lompat jauh dan 800 meter.

Kejohanan kumpolan pula di-menangi oleh Shell Chinese Club, Seria; tempat kedua Majlis Sokan Pulis Diraja.

Menurut sa-orang juruchakap BAAA bahawa kebolehan peserta2 dalam temasha sokan tahun ini semakin baik di-sebabkan ada-nya latehan sa-tempat di-Daerah Brunei/Muara, Tutong dan Belait, dan latehan pusat yang telah di-jalankan sa-lama dua kali sa-bulan di-Arena sokan SMM Muda Hashim sini.

Temasha tersebut di-rasmikan oleh Pengarah Kebajikan, Belia dan Sokan, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awg. Haji Hussain sementara hadiah2 rebutan di-lakukan oleh Yang Berbahagia Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Chuchu bin Penglima Asgar Dato Haji Abdullah.

Menurut juruchakap itu lagi, pehak BAAA berasa bangga kerana bahagian RTB telah membuat laporan terus menerus sepanjang temasha di-jalankan. Dan pehak-nya berharap pada masa akan datang peserta ahli2 sokan tanah ayer akan bergiat di-lapangan tersebut, terutama kata-nya, olahragawan veteran saperti Awang Junaidi Hamdan dan A. Sibidol yang mana mereka ini merupakan sa-bagai penggalak atau pendurong kapada muka2 yang baru munchol.

Ada-lah di-fahamkan ada dua olahragawan dan olahragawati yang di-duga akan menjadi bintang sokan kita pada masa akan datang ia-itu: Awang Baha Bujang dan Dy. Habibah Abdul Ghani.

**BELIA DAN SOKAN**



KELIHATAN Yang Berbahagia Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Chuchu sedang menyampaikan perisai kemenangan kumpolan yang di-sandang oleh Pasokan Shell Chinese Club, di-temasha BAAA, minggu lalu. Gambar bawah ia-lah achara 1500 meter lelaki.









DUA chara lompatan oleh peserta lelaki dalam lompat tinggi di-temasha Sokan Tahunan BAAA minggu lalu, sementara gambar kiri memperlihatkan keazaman sa-orang peserta veteran Awang Junaidi Hamdan dalam lompat jauh dan kanan achara lempar piring. Keputusan Temasha Sokan Tahunan BAAA sepenoh-nya dalam lain2 achara yang telah di-pertandingkan pada hari itu akan kita muatkan dalam lain keluaran diruangan ini.



## PEMAIN BOLASEPAK BRUNEI 16 TAHUN KA-BAWAH



BERGAMBAR ramai pasokan bolasepak Brunei 16 tahun ka-bawah yang akan mewakili Brunei di-pertandingan bolasepak antarabangsa Piala Lion City, yang di-langsongkan di-Singapura di-mana pasokan kita bertemu dengan Malaysia dalam Kumpolan (B). Gambar ini di-ambil sa-jurus selesai Majlis Do'a Selamat yang telah di-langsongkan di-Pusat Belia, sa-belum pasokan kita meninggalkan Brunei Juma'at lepas.

## *Piala Borneo Sabah juara tiga tahun berturut2*



Gambar ini menunjokkan "Piala Borneo" dan baru yang telah di-kurniakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei.

KOTA KINABALU — Pasokan bolasepak Negeri Sabah, sa-kali lagi menjadi juara Piala Borneo, kornia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei.

Sabah dengan kejuaraannya kali ini, telah menjadi tiga kali berturut2 pemenang (juara) Piala Borneo sejak ia-nya di-hidupkan sa-mula dalam tahun 1977 yang lalu.

Sabah telah menjadi tuan rumah dalam pertandingan Piala Borneo tahun ini. Pada tahun 1980, Sarawak di-jangka menjadi tuan rumah dan seterus-nya Brunei pada tahun 1981.

Dalam perlawanan pembukaan, Pasokan Brunei telah menewaskan Pasokan Sarawak dengan satu gol tidak berbalas. Sementara dalam perlawanan antara Pasokan Sabah dengan pasokan Sarawak, Pasokan Sabah telah menewaskan Pasokan Sarawak dengan 3 gol berbalas 2.

Dalam perlawanan diantara Sabah dengan Brunei pula, Pasokan Sabah pula menewaskan Pasokan Brunei dengan 2 gol berbalas 1.

Di-sepanjang perlawanan Piala Borneo tahun ini ada-lah di-laporkan chuacha di-Kota Kinabalu pada ketika itu kurang memuaskan di-sebabkan hujan turun tidak berhenti2, disepanjang perlawanan. Bagaimanapun, perlawanan terus di-jalankan kechuali di-hari pertama.

## SEPAKTAKRAW KALI KE-18

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu perlawanan sepaktakraw antara persatuan2, maktab2, sekolah2 menengah sa-negeri anjoran Persekutuan Guru2 Melayu Brunei, sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei, akan di-langsongkan di-Dewan Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah, Gadong, malam ini mulai jam 7.00.

Hadiah2 kapada pemenang dalam perlawanan ini akan di-sampaikan oleh Pemangku Yang Dipertua, Persekutuan Guru2 Melayu Brunei. Ini merupakan kali ke-18 perlawanan ini di-anjorkan oleh persekutuan itu, sempena Hari Keputeraan Baginda Yang Dipertuan. Ini juga merupakan salah satu projek tahunan sokan PGGMB di-samping menganjorkan lain2 perlawanan saperti ping pong.





GAMBAR2 ini (atas) memperlihatkan pegawai2 dari Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei dan Pasokan Gurkha yang bertindak sa-bagai pengadil ketika mendengar taklimat gerakan bagi Latehan Bertemu Muka yang telah dilangsongkan sa-lama sa-bulan mulai 10hb Nobember hingga 7hb Disember yang baru lalu di-Daerah Temburong.

Taklimat pengadilan tersebut di-berikan oleh Lt Kol Preedy, Pegawai Turus Agong Pasokan AMDB di-Perkhemahan Bangar.

Sementara gambar sebelah, sa-bahagian dari anggota Pasokan AMDB yang mengambil bahagian dalam latehan tersebut ketika berehat-rehat dekat perkhemahan mereka di-dalam hutan.

Latehan Bertemu Muka yang telah di-jalankan itu di-ambil bahagian oleh Batalion Pertama dan Kedua yang masing2 di-sifatkan mempunyai sa-buah negeri yang berjiran dengan memileki kekayaan dari beberapa buah telaga minyak yang di-perolehi dari sumber telaga yang sama di-dasar bumi.

Maka berpuncha dari keringan salah satu telaga2 minyak antara kedua2-nya, masing2 negeri berusaha untok memusnahkan antara satu sama lain sa-telah beberapa perundingan dan tolak-ansor yang di-adakan bagi meredakan pertelengkahan tidak berjaya. Dan terjadi-lah gerakan2 tentera bagi menyelesaikan pertelengkahan itu untok menakloki telaga2 minyak yang ada.

Sa-jauh ini sa-hingga sabelum selesai-nya latehan tersebut Batalion Kedua telah berjaya mengatasi mata kemenangan yang di-perolehi dari Batalion Pertama dan keputusan-nya Batalion Kedua juara latehan tersebut di-hari penamat (gambar AMDB).

# Anggota2 AMDB hadhiri kursus ka-seberang laut

BERAKAS.—Lebeh banyak lagi anggota serta pegawai2 dari Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei di-hantar ka-seberang laut bagi menghadhiri berbagai kursus ketenteraan di-United Kingdom dan Singapura.

Berkursus di-United Kingdom, Lt. Ak. Mohimin bin Pengiran Haji Mohidi dari Pasokan Peninjau Perisai akan menghadhiri Kursus Ketua Pasokan mulai 25hb Nobember lepas hingga 21hb Mach depan di-Royal Armoured Corps Squadron, Bovington Camp, Wareham.

Pada 3hb Januari depan pula Lt Jorsni bin Haji Lamat dan Lt Johari bin Metusin dari Battalion Pertama akan berada di-Britania Royal Naval College, Darmouth, Devon bagi menghadhiri kursus International Sub-Liutenant.

OCDT Bahar bin Talip dari Pusat Latehan di-jangka akan menghadhiri tiga perengkat kursus dalam bahasa Inggeris di-tiga buah pusat kursus yang berasingan. OCDT Bahar pada 6hb Januari hingga 14hb Mach 1980 akan berada di-Camelot Language Centre, Somerset bagi kursus bahasa Inggeris.

Kemudian pada 24hb Mach hingga 22hb Ogos, 1980 beliau akan berada di-Army School of Language, Wilton Park, Beaconsfield bagi mengikuti kursus bahasa Inggeris Pre SMC (E) 25 dan pada 8hb September, hingga 10hb April, 1981 akan mengikuti kursus SMC 25 di-New College, The Royal Military Academy, Sandhurst, Camberley.

Mejar Pengiran Dato Seri Laila Jasa Abidin bin Pg Ahmad dari Markas Pasokan mulai 6hb Januari hingga 6hb Nobember, 1980 ini akan mengikuti kursus pegawai2 tentera di-Maktab Pegawai2, Camberley, Surrey.

Sementara akan berkursus di-The Support Weapons Wing, Netheravon, Salisbury, Wilts ia-lah dua orang kopral, Rahman bin Abdullah dari Battalion Pertama dan Musa bin Ibrahim dari Battalion Kedua bagi kursus 81mm Meriam Katak.

L/Kopral Zolkepli bin Yusof dari Markas Pasokan dan L/Kopral Abu Bakar bin Momin dari Bengkel Pasokan akan berada di-Sekolah Angkatan Udara Singapura Ayer Rajah bagi kursus Elektrek Kenderaan Kelas II mulai 27hb Disember hingga 8hb Februari depan.

# Harga barang2 keperluan

SAPERTI biasa di-bawah ini di-chatetkan beberapa jenis barang2 keperluan sa-hari2 yang didapati di-jual dengan harga yang lebeh sederhana rendah di-kedai2 Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Ada-lah di-ingatkan kapada orang ramai bahawa harga barang2 yang berikut di-bawah ini bermula bagi minggu 6hb Disember, 1979.

**BANDAR SERI BEGAWAN :**

1. LADA KERING — $3.00 sa-kati boleh dibeli dari kedai berikut : —
   Ghee Guan,
   No. 4, Jalan McArthur.
2. KACHANG TANAH — $1.40 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
   Chop Chin Seng,
   No. 107, Jalan Chevalier.
3. BAWANG BESAR — 80 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut : —
   Sharikat Haji Abdul Rahman,
   No. 94, Jalan Chevalier.

**KUALA BELAIT :**

1. LADA KERING — $3.50 sa-kati boleh dibeli dari kedai berikut:—
   Chin Fatt,
   No. 60-B, Jalan Pretty.
2. KACHANG TANAH — $1.50 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut :—
   Yick Yuen,
   No. 3, Jalan Pretty.
3. BAWANG BESAR — 90 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut :—
   a) Eng Soon Seng,
   No. 58, Jalan Pretty.
   b) Kok Kee,
   No. 60, Jalan Pretty.

**SERIA :**

1. LADA KERING — $3.40 sa-kati boleh dibeli dari kedai berikut : —
   Poh Sing,
   No. 65, Jalan Bunga Kenanga.
2. KACHANG TANAH — $1.50 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut : —
   Hj C.A. Mohammed,
   No. 51, Jalan Bunga Kuning,
3. BAWANG BESAR — 90 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
   Poh Sing,
   No. 65, Jalan Bunga Kenanga.

## "PEMBETULAN"

DATSUN 200L, Model KUC 230 VUC adalah di-betulkan harga Jualan penoh-nya kapada $15,858.00 bukan-nya $15,585.00 sa-bagaimana yang di-chatetkan dalam Pelita Brunei keluaran Disember, 1979.

# Perkhemahan Kadet Bomba

SUNGAI TALI. — Pegawai Bimbingan Bakat Kerja di-Jabatan Pelajaran, Awang Johari bin Haji Awang bagi pehak Pengarah Pelajaran Brunei, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat telah mengadakan lawatan sengkat ka-Perkhemahan Kadet Bomba sa-negeri yang di-adakan di-sini pada hari Sabtu yang baru lalu.

Perkhemahan tersebut telah di-adakan sa-lama empat hari yang bermula pada hari Rabu 28hb Nobember dan berakhir pada hari Ahad 2hb Disember yang lalu. Ia-nya di-bawah arahan dan di-ketuai oleh dua orang Penolong Pegawai Balai Awang Johari bin Jaluddin dan Pengiran Ahmad bin Pengiran Apong.

Perkhemahan yang julong-julong kali di-adakan itu ada-lah di-kelolakan bersama oleh Jabatan Pelajaran dan Jabatan Bomba Brunei. Dan perkhemahan tersebut telah di-sertai oleh sa-ramai 100 orang kadet bomba dari 10 buah pasokan kadet sekolah2 menengah dan Maktab2 di-seluroh negeri.

Sekolah2 menengah dan Maktab2 yang telah mengambil bahagian itu terdiri dari Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Sekolah Inggeris Berakas, Sekolah Menengah SMJA dan Maktab Melayu Paduka Seri Begawan dan Sekolah Sains di-Jalan Muara kesemua-nya dari Daerah Brunei dan Muara. Sementara dari Daerah Tutong pula dua buah sekolah telah mengambil bahagian ia-itu sekolah Menengah Melayu Muda Hashim dan Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah.

Sementara dari Daerah Belait sa-banyak empat buah sekolah telah ikut serta di-perkhemahan tersebut ia-itu Sekolah Menengah Melayu Mohammad Alam, Maktab Anthony Abell, Sekolah Menengah Melayu Ahmad Tajuddin dan Sekolah Inggeris Perdana Wazir.

Ketibaan Awang Johari ditempat perkhemahan itu telah di-sambut oleh Pengawal Pasokan Bomba, Awang Douglas Faulkner dan Pegawai Pementah Kadet, Awang Zaidi bin Daud serta pegawai2 pasokan Bomba dan kemudian-nya Awg Johari telah di-bawa memereksa perbarisan dan perkhemahan kadet2 tersebut.

Sa-panjang perkhemahan itu di-jalankan berbagai-bagai aktiviti2 telah di-adakan kapada Kadet2 Bomba antara-nya termasok-lah pertandingan kawat menchegah kebakaran, chara2 membuat khemah2 dan juga perlawanan sokan saperti bermain Sepak Takraw, bola tampar dan sa-bagai-nya.

Di-samping itu para kadet2 Bomba juga telah menunaikan sembahyang Fardhu Jumaat di-Masjid Seria pada 30hb Nobember dan satu sharahan Khas mengenai dadah, arak dan judi juga telah di-sampaikan oleh salah sa-orang pegawai kanan di-Jabatan Hal Ehwal Ugama pada 29hb Nobember lalu di-tempat perkhemahan berkenaan.

# Jadual lawatan Perpustakaan Bergerak bagi 12hb hingga 18hb Dis 1979.

| TEMPAT PERSINGGAHAN | TARIKH | HARI | MASA |
|---|---|---|---|
| Sekolah Melayu Serasa | 12.12.1979 | Rabu | 10.00–10.30 pagi |
| Sekolah Melayu Mentiri | 12.12.1979 | Rabu | 10.42–11.15 ,, |
| Sekolah Melayu Sultan Abdul Bubin, Sungai Besar | 12.12.1979 | Rabu | 11.30–12.00 T/Hari |
| Kawasan Mesjid, Kampong Sengkurong | 15.12.1979 | Sabtu | 2.00– 3.00 petang |
| Sekolah Melayu Orang Kaya Setia Bakti, Kilanas | 15.12.1979 | Sabtu | 3.15– 4.15 ,, |
| Sekolah Melayu Bendahara Sakam, Bunut | 15.12.1979 | Sabtu | 4.30– 5.30 ,, |
| Kawasan Rumah Penghulu Mukim Serasa, Kampong Serasa | 16.12.1979 | Ahad | 9.00–10.00 pagi |
| Kawasan Rumah Ketua Kampong, Mesjid Lama, Muara | 16.12.1979 | Ahad | 10.15–11.15 ,, |
| Berhadapan Kedai, Pekan Muara | 16.12.1979 | Ahad | 11.30–12.30 T/Hari |
| Sekolah Melayu Sungai Hanching | 17.12.1979 | Isnin | 3.00– 4.00 petang |
| Sekolah Inggeris Berakas (Bhg. Menengah) | 18.12.1979 | Selasa | 9.15–10.15 pagi |
| Sekolah Melayu Anggerek Desa | 18.12.1979 | Selasa | 10.30–11.30 ,, |

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad

### MEMPELAWA TAWARAN

SHARIKAT MINYAK SHELL BRUNEI BERHAD mempelawa tawaran2 dari pemborong2 yang di-benarkan oleh Sharikat M.S.B. bagi : —

1) **KATEGORI 5 — TAWARAN No. SES/138-79**
Mengadakan perkhidmatan membersehkan sa-chara umum bagi Kemudahan Senggaraan SES/4 dan SMR/3 di-Kuala Belait, kawasan bengkel dan yard, kawasan2 tempat kerja di-luar bangunan bengkel, jalan2, tepi jalan, parit2 dan kalbet2.

2) **KATEGORI 4 & 6 — TAWARAN No. LEN/139-79**
Memasang saloran2 kebel di-sepanjang "2nd spray ring" tangki2 LNG. Ini termasok-lah memasang 1 keping "cold sensor" dan 2 keping tiub pelastik.

3) **KATEGORI 6 OR 26 OR 27 — TAWARAN No. SES/156-79**
Mengadakan perkhidmatan pembersehan biasa dan baik puleh tahunan ka-atas 5 buah Kolam renang yang ada di-Empat Puloh Sembilan (rumah Pengarah Urusan). Kelab Panaga dan Kelab Riadzah Shell.

4) **KATEGORI 1 & 2 — TAWARAN No. ECO/157-79**
Penyenggaraan am ka-atas jalan raya dan padang minyak dan juga membuat pelbagai kerja yang kechil.

5) **KATEGORI 6 OR 26 — TAWARAN No. SES/158-79**
Mengadakan perkhidmatan mengendali dan menyenggara loko/rail cars dan landasan keretapi Badas.

6) **KATEGORI 6 & 32 — TAWARAN No. LEN/159-79**
Menyedia dan merentangkan paip2 Saloran Gas ka-Gadong (Bahagian di-Darat).

7) **KATEGORI 4 & 32 — TAWARAN No. ECO/162-79**
Membena permatang dengan konkerit tetulang, papak untok lantai tank rings, menyediakan dan memasang tempat berjalan dan tangga2 dari besi waja bagi Tank Group 1.

8) **KATEGORI 37 — TAWARAN No. PCS/163-79**
Menggali lubang kubor.

9) **KATEGORI 3 — TAWARAN No. PCS/164-79**
Membaiki dan menchat semula rumah batu bagi SS.

Bagi maklumat lebeh lanjut, lihat-lah Kenyataan2 Tawaran di-Papan2 Kenyataan Tawaran Sharikat.

## Brunei Shell Petroleum Co., Ltd.

### INVITATION TO TENDER

BRUNEI SHELL PETROLEUM COMPANY LIMITED invites tenders from B.S.P. approved contractors for :

1) **CAT 5 — TENDER No. SES/138-79**
The provision of general cleaning services for the SES/4 and SMR/3 Kuala Belait Maintenance Facilities, workshop and yard area, working areas outside the workshop building, roads verges, drains and culverts.

2) **CAT 4 & 6 — TENDER No. LEN/139-79**
Installation of cable channels along the 2nd spray ring of the LNG tanks. This includes running of 1 length of cold sensor and 2 lengths of plastic tubing.

3) **CAT 6 OR 26 OR 27 — TENDER No. SES/156-79**
The provision of routine cleaning and annual overhauling services for the 5 swimming pools which are situated at Forty-nine (Managing Director's house), Panaga Club and Shell Recreation Club.

4) **CAT 1 & 2 — TENDER No. ECO/157-79**
General road and field maintenance and miscellaneous minor works.

5) **CAT 6 OR 26 — TENDER No. SES/158-79**
The provision of operating and maintenance services for Badas locomotive/rail cars and tracks.

6) **CAT 6 & 32 — TENDER No. LEN/159-79**
Fabrication and installation of piping for Gadong Gas Line (onshore Part).

7) **CAT 4 & 32 — TENDER No. ECO/162-79**
Construction of r.c. bundwalls, floor slabs, tank rings, footings, etc., fabrication and installation of steel walkways and staircases for Tank Group 1.

8) **CAT 37 — TENDER No. PCS/163-79**
Grave digging.

9) **CAT 3 — TENDER No. PCS/164-79**
Major rehabilitation of SS situfoam houses.

For further information please refer to Tender Notices on B.S.P. Tender Notice Boards.

## Di-Jabatan Pelabohan, Brunei

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat DYMM Sultan untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Pelabohan, Brunei.

1. ATENDAN PELABOHAN:

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Pemohon2 mesti-lah berumor tidak kurang dari 20 tahun dan tidak lebeh dari 45 tahun dan lulus dalam darjah VI Sekolah Melayu atau sebanding dengan-nya.

b) Pemohon2 mesti-lah berbadan sehat dan mempunyai kechenderongan dalam kerja luar.

c) Pengalaman bekerja bergaji hari sa-bagai pemberseh atau tukang kebun ada-lah satu keutamaan.

d) Tempat tinggal di-kawasan Muara ada-lah di-utamakan.

**Tugas2 :**

Pemohon2 di-kehendaki mengendalikan tugas2 Atendan Pelabohan di-Pelabohan Muara. Tugas2 ini termasok menyapu dan membuang kekotoran dan sampah-sarap dari tambatan dan bangunan2 pelabohan, pemeliharaan dan membersehkan parit2 dan saloran2 termasok juga memotong dan membersehkan rumput.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji F.1-2-3-4 EB. 5 — $306-312-319-325-332-338-344-351-357-363 - 370 - 376 - 383-389-395-402-408 / EB / 414-427-440.

2. FITAR TINGKATAN II:

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Pemohon2 mesti-lah berumor tidak kurang 22 tahun dan mempunyai sekurang2-nya lima tahun praktikal bekerja sa-bagai fitar mekanik.

b) Permohon2 mesti-lah mempunyai pengetahuan yang baik di-dalam workshop kejuruteraan dan tahu menggunakan perkakas dan lain2 alat kejuruteraan yang di-gunakan di-dalam sa-sebuah workshop kejuruteraan. Mereka mesti-lah boleh membaiki injin2 diesel.

c) Pemohon2 mesti-lah tinggal di-kawasan Muara.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji F. 3-4 EB. 5 — $357-363-370-376-383-389-395-402-408 /EB/414-427-440.

3. PEMOTONG RUMPUT/ TUKANG KEBUN

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Pemohon2 mesti-lah berumor di-antara 20 dan 45 tahun dan boleh membacha dan menulis;

b) Pemohon2 mesti-lah berbadan sehat dan telah mempunyai pengalaman sa-bagai Pemotong Rumput/Tukang Kebun.

c) Pemohon2 mesti-lah tinggal di-kawasan Muara.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji F. 1-2-3 EB. 4 — $306-312-319-325-332-338-344-351-357-363-370 - 376 - 383/EB/389-395-402-408.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 14hb Januari, 1980.

(E/582/74 — Bil: 178/1979)

## DEPARTMENT OF AGRICULTURE BRUNEI

TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei for :—

PROVISION OF CATERING AND DOMESTIC SERVICES TO THE SINAUT AGRICULTURAL TRAINING CENTRE, MILE 21, JALAN TUTONG BRUNEI FOR 1980.

2. Specifications may be obtained from and facilities viewed by contacting the Principal, Sinaut Agricultural Training Centre.
3. Tenders should be submitted in a plain sealed envelope clearly marked :—

"TENDER FOR SATC CATERING — DEPT. OF AGRICULTURE"

and shall be addressed to and delivered to the office of :—
The Chairman,
Tenders Board,
State Financial Office,
Secretariat Building,
Bandar Seri Begawan,
Brunei.

not later than 12.00 noon on Monday, 31st December, 1979.
4. Tenders received after this time will be rejected.
5. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## TENDER NOTICE

**PROPOSED SECURITY GUARD DOG UNIT AT KAMPONG SUNGAI AKAR BANDAR SERI BEGAWAN**

1 TENDERS will be received by the Chairman of the Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawn, Brunei from PWD registered Class "A" contractors for the construction and completion of the above-noted works up to 12.00 noon, on 15th January 1980.

2 Tenders received after the stipulated time will be rejected.

3 Tenders shall be submitted in sealed envelopes provided, bearing no indication of the tenderers and shall be marked: "PROPOSED SECURITY GUARD DOG UNIT AT KAMPONG SUNGAI AKAR".

4 Drawings and Bill of Quantities may be obtained from the office of Ho Kwong Yew dan Anak2 Akitek2, Chartered Architects, Room 406, Bangunan Guru2 Melayu Brunei, Jalan Kianggeh, Bandar Seri Begawan from 17th December 1979 during normal office hours.

5 The Tender Deposit will be $500.00 which will be refundable to each unsuccessful tenderer but forfeited from any tenderer who fails to submit a tender and/or fails to return the Tender Documents to the Architect before the closing date.

6 Prior to the issue of the tender documents each tenderer will be required to : —

(1) produce documentary evidence that he is a PWD registered Class 'A' contractor;
(2) produce documentary evidence that he has complied with the latest Government requirement in respect of the Financial Guarantee;
(3) produce a letter from his bank (the said bank being a well-known and stable bank) stating that in the event of his tender accepted the said bank will furnish him with a banker's guarantee (in the sum of approximately $1,000,000) in accordance with the Conditions of Contract.

7 Tenders shall be submitted only on the Forms of Tender provided.

8 The Goevrnment of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## PUBLIC WORKS DEPARTMENT TENDER NOTICES

### No. 184 OF 1979

TENDERS will be received from Class "AX" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 18th December, 1979 for :—

PROPOSED EXTENSION TO RELIGIOUS SCHOOL (CONVERSION OF OPEN PLATFORM INTO HALL AND 6 CLASSROOMS) AT KAMPONG AYER LURONG DALAM, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 185 OF 1979

TENDERS will be received from Electrical Department, Brunei Class "A" Registered Contractors or Class "C" working with International Suppliers and/or their local agents by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 5th February, 1979 for :—

THE SUPPLY OF MOTORS AND SWITCHGEAR FOR TASEK WATERWORKS, BRUNEI.

**Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.**

### No. 186 OF 1979

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 25th December, 1979 for :—

MANUFACTURE AND SUPPLY OF : —

1. 48 SETS OF FURNITURE FOR 48 UNITS BARRACKS JALAN BERAKAS FOR MUNICIPAL DEPARTMENT, BRUNEI.
2. 16 SETS OF FURNITURE FOR 16 UNIT BARRACKS PERPINDAHAN FOR TELECOMS DEPARTMENT, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 187 OF 1979

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 25th December, 1979 for : —

MANUFACTURE AND SUPPLY OF 39 SETS OF FURNITURE FOR E QUARTERS AND F FLATS SENGKARAI, TUTONG 1 POLICE POST KASAT AND 1 POLICE POST AT KAMPONG PUTAT, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 188 OF 1979

TENDERS will be received from Class "AX" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 25th December, 1979 for : —

PROPOSED SEWER CONNECTION AND DIVERSION OF SULLAGE FLOWS FROM GOVERNMENT QUARTERS TO MAIN SEWERS AT JALAN TAPAK KUDA AND JALAN TEMANGGONG, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

**Note :**

1. Contractors who wish to submit the above must have previous exprience of advanced de-watering techniques involved for deep trench excavation and also have sufficient equipment, plant etc. for this type of work.
2. A site inspection will be held at 0900hrs at the site in front of Tennis Court Jalan Tapak Kuda on the 20th December, 1979.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 189 OF 1979

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 25th December, 1979 for : —

SUPPLY OF 600 TONS 4 INCH TO 6 INCH STONE FOR BRUNEI GOVERNMENT RICE PROJECT.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

## GOVERNMENT OF BRUNEI

## JABATAN KERJA RAYA

**KUALA BELAIT WATER SUPPLY — STAGE II CONTRACT 7 — PUMPING PLANT TO SUPPLY SUNGAI LIANG**

TENDERS are invited from suitably qualified firms for the supply and supervision of erection of two 33 WHP submersible pump-sets as replacement for existing smaller pumps.

Tender documents are obtainable from the Consulting Engineer — Messrs Watson (S. E. Asia) either from their office at 40 Hongkong Bank Chambers, Bandar Seri Begawan or from their Singapore Office, 27th Floor, D.B.S. Building, 6 Shenton Way, Singapore. Documents will be issued only to firms who have had previous experience in supplying and installing similar pumping installations or to authorised agents of such firms.

Application for the documents must be accompanied by a Tender Deposit in the form of a crossed cheque for B$500 payable to the Government of Brunei. The deposit will be refunded to all unsuccessful Tenderers who submit a bona-fide tender.

Tenders are to be submitted to the Chairman of the Tenders Board not later than 12 noon on Monday, 7th January 1980.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI-JABATAN PELAJARAN, BRUNEI

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Pelajaran, Brunei.

1. PENYELANGGARA SETOR TINGKATAN II:

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sa-banding dengan-nya.

b) Mempunyai sekurang2-nya lima tahun pengalaman dalam Penyelanggaraan Setor Kejuteraan atau penyimpanan berbagai barang2 kiriman letrik atau bangunan.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji D. 2 EB.3-4—$446-465-485-504-523-542-561 /EB/ 625-657-689-720-752-784-854-880-905-931 - 956 - 982-1007.

2. PEMBANTU TEKNIK :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Mesti-lah tamat sesuatu kursus Sekolah Teknikal. Keutamaan akan di-beri kapada pemohon2 yang mempunyai Sijil City and Guilds dalam matapelajaran yang berkenaan.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji D. 1-2-3 EB.4-5—$370-383-395-408-421-434 - 446-456-485-504-523-542-561-625-657-689-720-752-784 / EB / 854-880-905-931-956-982-1007-1046-1071-1097-1122.

3. PENYELENGGARA SETOR TINGKATAN III:

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengan-nya.

b) Mempunyai sedikit sa-banyak pengalaman dalam kerja2 penjagaan setor.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji E. 1-2-3 EB. 4 — $357-370-383-395-408-421-434-446-459-472 - 485 - 497 - 510-523-536-548-561 - 574 - 587 - 599.

4. STEWARD:

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Mesti-lah lulus sekurang2-nya Tingkatan I atau yang sebanding dengan-nya. Hendak-lah sebaik2-nya boleh membacha dan menulis dalam bahasa Melayu.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji E.3 EB.4 —$459-472-485-497-510-523/EB/536-548-561-574-587-599.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 17hb Januari, 1979.

(E/59/73 — Bil: 181/1979)

## Sa-bagai Jurutrengkas Inggeris

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untok memenohi jawatan2 kosong sa-bagai Jurutrengkas Inggeris di-dalam Perkhidmatan Kerajaan.

**Kelayakan2 :**

Menchatet trengkas 80 psm dan menaip 40 psm dan lulus SAP/Sijil Persekolahan Cambridge dengan mendapat kelulusan 'O' Level/Credit dalam sekurang2-nya 3 matapelajaran termasok Bahasa Inggeris.

**'AM :**

Chalon2 di-kehendaki menjalani ujian kepentasan Trengkas dan Menaip.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji D. 3-4 EB. 5 — $625-657-689-720-752-784-854-880-905-931-956 - 982 - 1007/EB/1046-1071-1097-1122. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

**Sharat2 Lantekan :**

Chalon2 yang bukan raayat Brunei akan di-tawarkan kontrek tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji satelah genap menamatkan tempoh kontrek.

Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap setelah menjalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 31hb Januari, 1980.

(E/261/54/Pt. II — Bil: 182/1979)

## TENDER NOTICE

**RETENDER FOR AIRCONDITIONING INSTALLATION FOR PROPOSED SEKOLAH MENENGAH SG. KEBUN PHASE 1**

1. TENDERS will be received by the Chairman of the Tenders Board at the Office of the State Financial Officer, Government Offices, Bandar Seri Begawan, Brunei from Class 'A' Airconditioning Contractors up to 12.00 noon 15th January 1980.

2. Tenders received after the stipulated time will be rejected.

3. Tenders must be submitted in sealed envelopes bearing no indication of the name of the tenderers and shall be marked clearly "RETENDER FOR AIRCONDITIONING INSTALLATION FOR PROPOSED SEKOLAH MENENGAH SG. KEBUN PHASE 1.

4. Tender documents may be obtained from the office of M/s. Brisma International Consultants, Room 15, Hong Kong Bank Chambers, Bandar Seri Begawan from 19th December 1979 onwards during normal office hours.

5. The tender deposit shall be B$500.00 (Brunei Dollars Five Hundred Only) in the form of Bank Draft drawn in the name of the Government of Brunei. The tender deposit will not be refunded to the successful tenderer and shall be paid to the Government.

The tender deposit shall be returned to all unsuccessful tenderer who have submitted bona-fide tenders and who have returned the tender drawing in satisfactory condition to the Engineer's Office.

6. Prior to the issue of tender document, each tenderer will be required to produce documentary evidence that he is a Class 'A' Airconditioning Contractor.

7. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## TENDER NOTICE

1. TENDERS will be received from registered Electrical Class B Contractors and above, by the Chairman of the Tenders Board, at the office at the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat, Bandar Seri Begawan, Brunei up until noon on Tuesday 18th December 1979 for :

ARMY WORK SERIA — ELECTRICAL INSTALLATION FOR JRC, TEMPLE, MARRIED QUARTERS AND SINGLE SGTS QUARTERS.

2. Tenders received after this date will be rejected.

3. Tenders will be placed in a plain sealed envelope. There must be no indication on the cover of the name of the Tenderer.

4. The cover must be addressed to the Chairman of the Tenders Board and endorsed as follows :

ARMY WORK SERIA — ELECTRICAL INSTALLATION FOR JRC, TEMPLE, MARRIED QUARTERS AND SINGLE SGTS QUARTERS.

5. Tender Documents may be obtained from the offices of Akitek Bersatu, 2nd Floor, 148, Jalan Chevalier, Bandar Seri Begawan, from Wednesday 7th November 1979, during normal working hours.

6. The tender deposit will be $500.00 in the form of a bank draft, made out in favour of the Brunei Government, and will be refunded to all unsuccessful tenderers, on receipt of a bona fide tender.

7. Tenders shall be submitted on the form provided with the tender documents.

8. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any anteder.

## ELECTRICAL DEPT.

### TENDER NOTICE

Tender No. 66(IW)/1979

TENDERS will be received by the Tenders Board, Bandar Seri Begawan, Brunei from the registered Electrical Wiring Contractors, Class "A" and "B" up to 12.00 noon on Tuesday, 18th December, 1979 for the following : —

ELECTRICAL INSTALLATION FOR EXTENSION TO EXISTING FISHERIES FIELD STATION PHASE II

Tender documents may be obtained from the office of the Chief Electrical Engineer, Bandar Seri Begawan, Brunei.

The tender documents to be placed in a plain envelope addressed to the Tenders Board. The envelope to be clearly marked : —

"TENDER FOR THE ELECTRICAL INSTALLATION FOR EXTENSION TO EXISTING FISHERIES FIELD STATION, PHASE II"

Tender deposit of $100.00 shall be in the form of a cheque refundable only to all unsuccessful tenderers upon the receipt of a bona fide tender.

## Sa-bagai Pelayan

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong sa-bagai Pelayan di-dalam Perkhidmatan Kerajaan, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Tingkatan I atau yang sa-banding dengan-nya.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji F1-2-3-4-5 EB. 6 — $306-312-319-325-332-338-344-351-357-363-370 - 376-383-389-395-402-408-414 - 427-440 /EB/453-465-478-491-504-516.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 21hb Januari, 1980.

(E/859/61/Pt. III — Bil: 183/1979).

## TENDER NOTICE

**ELECTRICAL AND AIR CONDITIONING INSTALLATION TO PROPOSED 2(TWO) NOS, CLASSROOM EDUCATION CENTRE — BOLKIAH CAMP, B.S.B., BRUNEI FOR ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT.**

REGISTERED Class "B" Contractor and above registered with Electrical Department are invited to submit tender for the complete supply and installation of Electrical and Air-Conditioning Installation to proposed 2 (Two) nos. Classroom Education Centre — Bolkiah Camp, B.S.B., Brunei for Royal Brunei Malay Regiment.

Tender document can be obtained from the office of Messrs. Leeng Consulting Engineers, No. 207 Lot 5440, Shophouse Complex, Mile 1½, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Brunei from 5th December, 1979 onwards during normal office hours. The tender deposit $500.00 shall be in the form of a cheque refundable only to all unsuccessful tenderers upon the receipt of a bona fide tender and the return of documents and drawings.

Tender must be submitted on the provided Tender Form and must reach the office of the Chairman, Tenders Board, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei not later than 12.00 noon, 18th December, 1979. Tenders received after the stipulated time will be rejected.

Tender shall be enclosed in a plain sealed envelope marked: —TENDER FOR ELECTRICAL AND AIR-CONDITIONING INSTALLATION TO PROPOSED 2(TWO) NOS. CLASSROOM EDUCATION CENTRE—BOLKIAH CAMP, B.S.B., BRUNEI FOR ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT.

Our client, The Government of Brunei, do not bind themselves to accept the lowest or any tender.

## Pembantu Kanan Perkembangan Ugama

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Pembantu Kanan Perkembangan Ugama di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Chalon2 hendak-lah berumor tidak kurang dari 25 tahun.

b) Chalon2 hendak-lah mempunyai salah satu daripada kelayakan2 berikut, atau yang sa-banding dengan-nya.

i) Sijil Pelajaran Ugama, Brunei.

ii) Sijil 'Am Pelajaran Peringkat Biasa dengan mendapat kelulusan empat matapelajaran termasok matapelajaran Pengetahuan Ugama Islam.

c) Hendak-lah mempunyai pengalaman dalam urusan2 pada menyediakan bahan2 siaran Ugama di-Radio dan Talivishen.

d) Hendak-lah tahu menulis dan membacha Jawi.

e) Chalon2 yang tidak mempunyai kelayakan saperti di-para (b) di-atas, tetapi telah berkhidmat dengan Kerajaan tidak kurang dari lima tahun dalam bidang penerangan dan tabligh boleh-lah memohon.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji C. 1-2 EB.3 — $944-982 - 1033 - 1071 - 1109-1148 - 1186 - 1224 - 1275 - 1326 - 1377 - 1428 / EB / 1479-1530-1581-1632-1683.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 22hb Januari, 1980.

(E/560/77 — No: 184/1979)

## Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad

### MEMPELAWA TAWARAN

SHARIKAT Minyak Shell Brunei Berhad mempelawa tawaran2 dari pemborong2 yang di-benarkan oleh Sharikat M.S.B. bagi :—

1) **KATEGORI 21 — TAWARAN NO. SAV/122-79**
Mengadakan perkhidmatan2 saperti berikut :
1. Membersehkan bangsal2 kapal terbang dan juga pesawat2 udara.
2. Membuat atau menurunkan barang2 dari kapal terbang.

2) **KATEGORI 4 & 5 — TAWARAN NO. ECO/145-79**
Menyenggara parit2 dan tempat paip di-lalukan di-sepanjang Jalan Kuala Belait/Kuala Baram hingga ka-sempadan negeri Sarawak.

3) **KATEGORI 4 — TAWARAN NO. ECO/146-79**
Membena jambatan kechil bagi rumah2 SSS, COS dan buroh di-kawasan2 perumahan di-Seria dan Kuala Belait.

4) **KATEGORI 39 — TAWARAN NO. OSA/147-79**
Mengadakan perkhidmatan menambah ubat/membaiki pemadam api.

5) **KATEGORI 1 & 5 — TAWARAN NO. ECO/148-79**
Mengangkat pasir dari lobang tempat mengambil pasir di-Padang Minyak Seria.

6) **KATEGORI 6 — TAWARAN NO. LOS/149-79**
Pembersehan penukaran penyejokkan ayer unit penchairan No. 1 hingga No. 5 untok tahun 1980.

Bagi maklumat lebeh lanjut, lihat-lah Kenyataan2 Tawaran di-Papan2 Kenyataan Tawaran Sharikat M.S.B.

## Brunei Shell Petroleum Co., Ltd.

### INVITATION TO TENDER

BRUNEI SHELL PETROLEUM COMPANY LIMITED invites tenders from B.S.P. approved contractors for : —

1) **CAT 21 — TENDER NO. SAV/122-79**
Provision of the following services:
1. Cleaning of hangers and aircraft
2 Loading and unloading of aircraft freight.

2) **CAT 4 & 5 — TENDER NO. ECO/145-79**
Maintenance of ditches and pipe traces along Kuala Belait/Kuala Baram road up to Sarawak Border.

3) **CAT 4 — TENDER NO. ECO/146-79**
Construction of car-bridges for SSS/COS and Labour Quarters at Seria/Kuala Belait Housing Area.

4) **CAT 39 — TENDER NO. OSA/147-79**
Provision of Fire Extinguishers Recharging/Repair services.

5) **CAT 1 & 5 — TENDER NO. ECO/148-79**
Sand lifting from Borrow Pits in Seria Field.

6) **CAT 6 — TENDER NO. LOS/149-79**
Cleaning of water cooled exchangers in liquefaction Train Nos. 1 to 5 in the year 1980.

For further information please refer to Tender Notices on B.S.P. Tender Notice Boards.

# GURU2 PUNYA PERANAN PENTING

Dari muka 1

mana mereka sangat di-harapkan akan dapat mendidek dan memimpin penuntut2, menunjokan kapada mereka chontoh tingkah laku yang berdisiplin, tingkah laku yang bersopan santun dan chara berfikir yang membena yang boleh mendatangkan menafaat kapada masharakat dan negara, jelas Yang Teramat Berhormat.

Kemajuan sa-sebuah negeri itu, tambah Yang Teramat Berhormat itu lagi, tidak akan terchapai tanpa kerjasama semua golongan terutama pehak2 yang di-pertanggong-jawabkan dalam bidang2 yang tertentu saperti pegawai2 dari Jabatan Pelajaran termasok-lah pensharah2 dan guru2 yang bertugas di-sekolah2 menengah dan maktab2 di-seluroh negeri samada di-bandar mahu pun di-pendalaman.

Menyentoh mengenai peranan dan tanggong-jawab guru2, Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja mengingatkan bahawa Negeri Brunei tidak berapa lama lagi akan melangkah ka-satu zaman yang penoh dengan chabaran. Kejayaan Negeri Brunei menghadapi chabaran itu sabahagian besar-nya bergantong kapada chara2 kita mendidek anak2 kita di-negeri ini supaya mereka akan menjadi raayat yang terpelajar lagi bertanggong-jawab, raayat yang berdisiplin serta raayat yang ingin hidup dalam suasana aman, makmor dan tenteram.

"Peranan puan2 dan tuan2 itu ada-lah penting dan raayat keselurohan-nya menumpukan harapan yang tuan2 dan puan2 akan dapat menunaikan kewajipan2 itu dengan chemerlang," ujar Yang Teramat Berhormat.

Terdahulu dalam uchapannya itu, Yang Teramat Berhormat menjelaskan bahawa pertunjokan sa-umpama itu dahulu-nya di-kenal sa-bagai Hari Ibu-bapa yang mana pada masa itu ada-lah merupakan hari yang istemewa bukan sahaja kapada guru2 dan murid2 bahkan juga bagi Ibu-bapa keselurohannya.

Hari Ibu-bapa itu telah di-gantikan dengan Hari Pelajar, expo dan sa-bagai-nya akan tetapi pada hakikat-nya bertujuan sama ia-itu untok membolehkan murid2 dan penuntut2 memperlihatkan kemajuan2 dan kegiatan2 yang telah mereka buat dan chapai satu tahun yang lampau dan juga untok membolehkan ibu-bapa mengikuti kemajuan anak2 mereka di-samping berkenal-kenalan dengan guru2 yang mengajar anak2 mereka.

Dalam uchapan alu2an, Pemangku Pengetua Maktab tersebut, Awang Abdul Ghani bin Bujang menjelaskan bahawa tujuan di-adakan expo itu ia-lah untok memberikan gambaran yang realistik mengenai peranan, tugas dan tanggong-jawab maktab sa-bagai sa-buah institusi professional yang khusus bertanggong-jawab melateh guru2 muda dan mengelolakan kursus dalam bidang perkhidmatan.

Di-samping itu jelas beliau ia-nya juga di-harapkan akan dapat meninggalkan kesan mendalam dan positif di-kalangan kelompok2 masharakat yang berminat terhadap Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah.

Tentang dedikasi maktab, tambah Awang Abdul Ghani tidak perlu di-ragu2kan kerana maktab ini akan terus berusaha memperbaiki mutu kursus dan latehan dan akan berbuat apa sahaja demi untok menghasilkan guru2 muda yang dedicated, berilmu, chekap, chergas dan boleh menimbulkan inspirasi kapada anak2 bangsa.

Expo pendidekan yang di-adakan sa-lama dua hari itu ada-lah sempena menyambut Tahun Antarabangsa Kanak-Kanak Sa-Dunia. Expo sa-umpama itu pernah di-adakan oleh maktab tersebut pada tahun 1975 yang mana dulu-nya di-kenal sa-bagai Hari Terbuka atau Hari Pelajar.

Berbagai2 pameran telah di-pamerkan antara-nya termasok-lah chara2 mengajar, pertunjokan filem selit, gimnastik dan pameran dari berbagai2 Jabatan pengajian saperti Jabatan Sejarah, Ilmu Alam, Bahasa Melayu dan Inggeris serta pameran mengenai perkembangan daawah di-Brunei.

Turut hadhir di-majlis itu termasok-lah isteri Penasehat Umom Kebawah DYMM, Yang Dimuliakan Dayang-Dayang Diraja Datin Seri Utama Rosnah bte Abdullah, Pengerusi Majlis Pelajaran, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dr Haji Mohd Jamil Al-Sufri, Pengarah Pelajaran, DSLJ Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat, ahli2 Yang Berhormat serta pegawai2 kanan kerajaan dan pengetua2 serta guru2.



YTB Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa ketika menyaksikan sa-bahagian dari pameran pada hari itu.

# J-kuasa kerja PSPM di-bentok

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-buah badan yang di-panggil Jawatankuasa Kerja Pekerja Sosial dan Pembangunan Masharakat telah di-bentok di-sini baru2 ini bagi mengendalikan kerja2 dan perkhidmatan sosial sa-chara sukarela ka-kampong2 di-negeri ini. Ia-nya di-pengerusikan oleh Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussain.



YB Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Hj Hussain.

Dalam mashuarat pertama-nya, jawatankuasa kerja itu di-Dewan MBB, Pusat Belia, sa-banyak lima jenis projek akan di-kelolakan sa-chepat mungkin, ia-itu sa-bagai langkah permulaan. Projek2 tersebut ada-lah saperti: Mendirikan pondok perhentian bas, yang akan di-ketuai oleh Awang Momin Ahmad dan Pengiran Suhaimi bin Pg Wahid.

Menolong kanak2 yang kurang chergas atau kurang pemikiran (mentally retarded) dan mongol (slow learners), akan di-ketuai oleh Pengiran Rohana binte Pengiran Temanggong Pengiran Haji Mohammad, dengan di-bantu oleh Che'gu Alim bin Haji Othman dan Che'gu Abu Bakar OKSD Haji Mohd Salleh. Sa-bagai permulaan, kawasan yang di-ambil ia-lah Kampong Ayer, yang berpusat di-Kelinik Kampong Ayer.

Projek ketiga ia-lah membersehkan jembatan/titian di-Kampong2 Ayer. Ia-nya di-ketuai oleh Awang Momin Ahmad.

Projek ke-empat, pembukaan tanah untok berladang, yang di-bahagikan kapada dua bahagian ia-itu; jangka pendek untok bertanam sayor2an dan jangka panjang saperti tanaman kelapa, kepayas, rambutan, mangga, pisang, nenas dan lain2.

Sementara projek yang kelima ia-lah kesihatan alam sekitar (Environmental Sanitation) untok Daerah Temburong, di-ketuai oleh Pengiran Yusoff, Pengiran Rohana, Pengiran Suhaimi dan Awang Taib. Manakala Awg William, Awg Foo dan Awang Abdul Wahab pula akan mengadakan kerja2 kajian Anak2 Berkeliaran (street boys) dan orang2 chachat. Mengenai projek ini mereka akan merundingkan dahulu dengan Pegawai Daerah yang berkenaan.

Jawatankuasa Kerja Pekerja Sosial dan Pembangunan Masharakat ini terdiri: —

Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussain (Pengerusi); Awang Haji Junaidi bin OKSN Haji Mohd Safar (Timbalan Pengerusi); Datin Hajjah Zaharah binte Haji Ideris (Setiausaha); Pengiran Yusof bin Pg Anak Hashim (Timbalan Setiausaha); Awang Harun bin Haji Ismail (Bendahari); Awang Alim bin Haji Othman (Timbalan Bendahari) dan Awang Momin Ahmad (Perhubongan dan Penyelarasan).

Ahli2 Jawatankuasa terdiri: Awang Yahya bin Yusof, Dayang Zaliha binte Haji Mohiddin, Awang S. D. William, Awang Foo Kia Pang, Dayang Hajjah Marhani bte Abdul Latif, Dayang Fatimah binte Haji Hussain, Awang Abu Bakar bin OKSD Haji Mohd Salleh, Awang Mutalib bin Haji Ideris, Pengiran Haji Mohammad bin Pg Haji Chuchu, Pengiran Tajuddin bin Pg Ahmad, Awang Abdul Ghafar bin Md. Khalid, Dayang Masni bte Haji Awang, Awang Ja'afar bin Haji Latif, Awang Misli bin Haji Tuah, Awang Mohd Sa'ad bin Taib, Awang Mohd Taib bin Othman, Ak Omarali bin Pg Anak Hashim, Dayang Hjh Halimah bte Abdul Latif, Dayang Hjh Zainun bte Abdul Latif dan Awg Adanan bin Haji Hassan.

Dari muka 1

Chawangan bank Nasional Brunei yang baru itu telah memulakan perkhidmatan-nya pada 19hb Nobember yang lalu dan telah mendapat sambutan yang menggalakan dari orang ramai terutama sekali pendudok2 kawasan Gadong.

Turut hadhir di-upachara itu termasok-lah Penasehat Umom Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa, Menteri Besar, YAM Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail, Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibon Najabah Pg Anak Haji Abdul Aziz, YAM Pengiran2 Cheteria, ahli2 Yang Berhormat dan pegawai2 bank serta jemputan2 khas yang lain.

# Masjid lambang keugamaan

Dari muka 1

telah mengadakan kemudahan2 membena masjid yang baru itu untok pendudok2 kampong dengan tujuan yang suchi supaya ia-nya di-jadikan lambang keugamaan di-kampong tersebut, maka hasrat sa-umpama itu patut-lah di-dokong dan di-permuliakan supaya lambang keugamaan itu benar2 menghidup dan memberikan chahaya menyinari kampong itu.

Oleh itu pendudok kampong-lah yang memikul tanggong-jawab bagi menjadikan masjid ini sentiasa ramai dan berchahaya2 dengan apa2 jua usaha dan amal kebajikan terutama sekali sembahyang berjemaah, kerana puncha kekuatan umat Islam ia-lah berjemaah atau berkumpol dan bukan-nya berpechah-belah.

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara menjelaskan bahawa tahun Hijrah ada-lah tahun perpindahan dan perubahan yang lama kapada yang baru. Perpindahan dan perubahan negeri Mekah dengan Madinah menyebabkan orang2 Mekah yang berhijrah ka-Madinah terpaksa mengubah sikap dan mensesuaikan diri dengan suasana Madinah.

Perubahan itu, jelas Yang Amat Mulia itu lagi, memberi erti bahawa Umat Islam di-Madinah telah mempunyai keperibadian sendiri yang terpaksa menghadapi chabaran2 dari luar yang tidak inginkan kemajuan orang Islam di-Madinah tetapi semangat hijrah itu telah menjadikan mereka tegak berdikari dan berani menyongsong angin sa-hingga dapat sampai selamat ka-arah yang di-tuju.

Oleh yang demikian, semangat hijrah sa-umpama itu patut-lah kita semai dan hidupkan dari sekarang demi untok menuju ka-arah suasana yang baru kerana suasana yang baik dan sempurna itu tidak mudah dapat "ampai2" bahkan hendak-lah dengan usaha yang lebeh gigih dan keazaman yang besar dengan tidak kenal penat dan lelah.

Menyentoh mengenai pembukaan masjid pada hari itu Yang Amat Mulia mensifatkan ia-nya menandakan satu kemajuan dari segi perkembangan ugama dan kerohanian di-negeri kita di-bawah pimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan.

Langkah saperti ini ada-lah sa-olah2 menandakan kita mengenangkan kembali jejak langkah Nabi Muhammad s.a.w. ketika Baginda membuka masjid yang pertama sekali ketika Baginda berhijrah dari Mekah ka-Madinah.

Masjid yang baru itu menelan belanja kira2 $160,000.00 yang mana pembenaan-nya telah di-mulakan pada tahun lalu dan telah siap sempurna pada bulan Ogos yang baru lalu dan boleh memuat kira2 200 orang jemaah.

Sa-lepas sahaja perasmian-nya para hadhirin telah bersama-sama menunaikan sembahyang Fardhu Jumaat yang mana imam dan khutbah Jumaat telah di-bachakan oleh Timbalan Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim

Turut hadhir di-majlis itu termasok-lah Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Chuchu bin Panglima Asgar Dato Paduka Haji Abdullah serta pegawai2 dari Jabatan Hal Ehwal Ugama dan jemputan2 khas.

Dari muka 1

Di-sebalek-nya masjid yang selalu sunyi, hanya terbuka pada hari2 tertentu dan orang kampong kurang datang berjemaah di-masjid itu ada-lah satu tanda kurang-nya persafahaman dan kurang-nya perasaan tolong menolong antara satu sama lain, dan ini sudah tentu akan mendatangkan kerugian kapada umat Islam am-nya, dan pendudok yang berkenaan khas-nya, jelas Yang Amat Mulia itu.

Yang Amat Mulia Pengiran Indera Mahkota, berseru supaya anak2 buah kampong akan sentiasa mengamalkan sifat suka berjemaah, suka bantu membantu dan mengambil inisiatif dalam sa-barang juga amal kebajikan. "Masjid yang ramai dan maju, ada-lah tanda bagi kampong yang ramai dan maju. Dengan demikian kampong itu akan mendapat berkat daripada Allah, kerana sa-bagaimana sapotong ayat Kor'an ada menyatakan bahawa orang2 yang memajukan masjid itu ia-lah orang2 yang beriman kapada Allah dan hari kemudian", sabda Yang Amat Mulia lagi.

Turut beruchap sa-belum pembukaan rasmi itu ia-lah Pengerusi Jawatankuasa Majlis dan Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd Zain bin Haji Serudin.

Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman, telah membachakan Khutbah dan seterus-nya mengimamkan sembahyang Fardhu Jumaat pada hari itu. Kira2 tiga ratus umat Islam telah hadhir di-Majlis Pembukaan Rasmi Masjid Tanah Jambu (Salar) pada pagi itu.



YAM Pengiran Setia Negara Pg Haji Mohd Yusof merasmikan pembukaan masjid Kampong Sinaut.

# Perasmian persatuan BIPA

PANCHOR MURAI. — Sa-buah lagi persatuan belia akan di-tubohkan di-Daerah Brunei-Muara.

Persatuan baru itu ia-lah Badan Belia-Belia Kampong Panchor Murai (BIPA).

Pemangku Pegawai Daerah Brunei-Muara, Awang Haji Yahya bin Haji Harris akan merasmikan penubohan persatuan tersebut. Majlis tersebut akan di-adakan di-Sekolah Melayu Panchor Murai pada hari Jumaat 14hb Disember, 1979 jam 9.45 pagi.

Pendudok2 terutama belia2 di-sekitar Kampong Panchor Murai ada-lah di-persilakan hadhir ka-majlis tersebut.

DI-TERBITKAN OLEH BAHAGIAN PENERANGAN, JABATAN SETIA USAHA KERAJAAN DAN DI-CHETAK OLEH JABATAN PERCHETAKAN KERAJAAN BRUNEI.